

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
 PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session
 MESYUARAT KEDUA
Second Meeting

Jilid IV Bil. 30 Hari Isnin 20 Julai 1998

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
 PERATURAN MESYUARAT 18(1)

- **Dasar Pendidikan Negara dan Nasib Pelajar Bumiputera**
 - *Y.B. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]* (Ruangan

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (Ruangan
 3RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia 1998 (Ruangan

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat – 12(1) (Ruangan

UCAPAN PENANGGUHAN:

Pornografi Politik Sebagai Agenda Untuk Memesongkan
Isu Kronisme, Korupsi, Kolusi dan Nepotisme
 - *Y.B. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]* (Ruangan

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas, Tun Dato' Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P.)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

- “ Menteri Pendidikan, Dato’ Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)

- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Dato’ Chua Jui Meng, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Senator Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M, J.P.
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K, J.S.M.
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)

- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)

- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K.
(Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K.
(Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K.,
A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)

- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Patch Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)

- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)

- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)

- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)

- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K.
(Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir
Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N.,
P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

- Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan,
P.S.D., J.S.D., K.M.N.
- Ketua Penolong Setiausaha : Zamani bin Haji Sulaiman
: Haji Mustakin bin Selamat
- Penolong Setiausaha : Nor Hayatee binti Abdullah
: Haji Mustafa bin Abdul Rahman
: Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI PARLIMEN

- Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah
: Monarita binti Mohd. Hassan
- Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
: Hajah Supiah binti Dewak
: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
: Mohamed bin Osman
: Hajah Norishah binti Mohd. Thani
: Shamsina binti Janor
- Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

- Bentara Mesyuarat: : Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul
Mutalib
: Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
: Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 20 Julai 1998

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat] *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

KES MURTAD - DIBICARAKAN
DI MAHKAMAH SYARIAH

1. **Tuan Noh bin Omar [Tanjong Karang]** minta Perdana Menteri menyatakan langkah yang diambil supaya kes-kes murtad hanya boleh dibicarakan di Mahkamah Syariah sahaja kerana pada masa ini Mahkamah Syariah hanya mempunyai bidang kuasa ke atas penganut agama Islam sahaja dan tidak mempunyai bidang kuasa ke atas mereka yang telah murtad.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk membolehkan perkara-perkara yang berada dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah termasuk perkara murtad dibicarakan di Mahkamah Syariah. Di antara langkah-langkah yang telah diambil ialah:

- (i) memasukkan Perkara 121. (1A) ke dalam Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa Mahkamah Sivil tidak boleh mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah. Soal murtad adalah termasuk di bawah senarai 2 – senarai Negeri Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan dan dengan demikian berada di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah;

- (ii) Jabatan Kemajuan Islam dengan kerjasama Jawatankuasa Teknikal Penyelarasan Undang-undang Sivill dan Syarak telah menggubal rang undang-undang yang bertujuan untuk melindungi dan memulihkan orang Islam yang cuba untuk meninggalkan agama Islam. Dalam kerangka peruntukan Perlembagaan yang sedia ada, bidang kuasa untuk membicarakan kes-kes berkaitan dengan murtad dicadang diberikan kepada Mahkamah Tinggi Syariah. Walau bagaimanapun, keputusan muktamad sama ada kes-kes murtad boleh dibicarakan oleh Mahkamah Syariah sahaja akan dibuat oleh Mahkamah Persekutuan tidak berapa lama lagi berhubung dengan beberapa kes murtad yang telah dirujuk kepadanya. Dalam hal yang sedemikian, kerajaan akan meneliti dan mengkaji keputusan Mahkamah Persekutuan mengenai perkara tersebut sebelum tindakan susulan diambil mengenainya.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam isu murtad ini, kadangkala terdapat parti-parti politik yang di dalam kempen-kempen mereka bukan sahaja memainkan isu murtad ini, tetapi mereka juga kadang-kadang memurtadkan orang lain yang tidak sehaluan dengan mereka dan dalam kempen mereka pun kita dapati mereka selalu menabur fitnah yang kadangkala boleh memesongkan akidah orang-orang Islam. Jadi, apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi masalah yang dibangkitkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab ini?

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Dalam undang-undang yang sedang dirangka sekarang ini, tuduhan oleh mana-mana pihak termasuk akhbar terhadap orang lain murtad akan juga diambil tindakan mahkamah.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana perkara murtad satu jenayah yang besar di dalam Islam dan ianya tidak boleh dituduh dan dilakukan sewenang-wenangnya dan oleh kerana itu maka Islam telah menetapkan hukum-hukum yang tertentu secara nas berkait dengan murtad. Adakah kerajaan memandang bahawa hukum yang telah sedia ada itu tidak munasabah dilaksanakan sekarang ataupun kerajaan mempunyai suatu cadangan yang berlainan daripada hukum yang telah ditetapkan?

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak mengingkari hukum syarak yang sedia ada, tetapi usaha kerajaan ialah mencari jalan bagaimana hukum itu boleh dijalankan dengan cara yang harmonis. Dalam Dewan yang mulia ini juga saya telah tegaskan bahawa pendekatan kerajaan ialah satu pelaksanaan itu hendaklah dengan cara yang beransur-ansur dan dengan cara yang harmonis sesuai dengan keadaan di dalam negara kita.

LESEN SYARIKAT JUALAN LANGSUNG – DASAR/SYARAT TERKINI

2. **Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan dasar dan syarat-syarat terkini mengenai lesen syarikat jualan langsung. Berapa syarikat jualan langsung yang berlesen dan beroperasi. Berapa syarikat tersebut telah melanggar syarat-syarat pelesenan dan apakah jenis kesalahan utama.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalnya satu tetapi ada empat bahagian dan saya akan cuba menjawab keempat-empat bahagian.

(1) Dasar Kerajaan terhadap industri jualan langsung ialah untuk memastikan industri tersebut berkembang secara sihat dan memastikan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh syarikat-syarikat jualan langsung tidak melanggar mana-mana peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Jualan Langsung 1993.

(2) Syarat-syarat terkini adalah seperti berikut:

(a) **Modal Berbayar**

Modal berbayar tidak kurang dari RM100,000 bagi syarikat yang dimiliki 100 peratus oleh rakyat tempatan di mana 30 peratus ekuitinya perlulah bumiputera. Bagi syarikat yang telah mempunyai lesen, mereka dikehendaki memenuhi syarat mempunyai ekuiti bumiputera sekurang-kurangnya 30 peratus

sebelum 31 Disember 1999. Modal berbayar tidak kurang dari RM500,000 bagi syarikat yang mempunyai ekuiti asing di mana ekuiti asingnya mestilah tidak melebihi 30 peratus dan selebihnya dimiliki oleh rakyat tempatan.

(b) **Barangan Jualan**

Bagi syarikat-syarikat baru barangan yang dipasarkan perlulah sekurang-kurangnya 80 peratus barangan tempatan dan syarikat digalakkan memasarkan 100 peratus keluaran tempatan. Sementara bagi syarikat yang telah mempunyai lesen, mereka dikehendaki menjual 80 peratus dari jumlah barangan dan nilai jualan mereka terdiri dari barangan tempatan menjelang 31 Disember 1999.

- (3) Bilangan syarikat jualan langsung yang berlesen dan beroperasi pada ketika ini ialah sebanyak 665 syarikat. Bilangan syarikat yang telah melanggar syarat-syarat pelesenan dan dibatalkan lesen dari Januari hingga Julai 1998 ialah sebanyak 6 syarikat. Manakala nilai rampasan, kompaun/denda di bawah Akta Jualan Langsung bagi tempoh 1 Januari 1998 hingga 30 Jun 1998 ini adalah seperti berikut:-

Nilai rampasan: RM13,277

Nilai kompaun : RM 9,400

Nilai denda : RM20,000

Kesalahan-kesalahan utama yang dilakukan ialah seperti berikut:

- (i) syarikat menggunakan pelan pemasaran yang lebih fokus kepada pengambilan peserta-peserta dan bukan untuk memasarkan barang kepada pengguna;
- (ii) peserta-peserta baru didesak membeli stok barang pada jumlah yang besar, iaitu melebihi keupayaan mereka untuk membeli;
- (iii) pelan pemasaran yang telah diubahsuai tanpa kelulusan kementerian, untuk memudahkan pengedar-pengedar menjadi kaya dengan lebih cepat; dan

- (iv) penawaran beberapa program insentif seperti skim insurans dan skim tabung amanah saham yang menjanjikan pulangan tinggi dan dijadikan sebagai alat untuk memancing ahli-ahli baru.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah tindakan kawal selia terhadap syarikat-syarikat tersebut supaya mereka tidak membuat kenyataan yang tidak tepat dan palsu mengenai dengan produk yang dijual oleh syarikat tersebut.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, kalau produk-produk itu ada berkaitan dengan ubat, ini dikawal oleh Kementerian Kesihatan di mana sebelum lesen dikeluarkan, mereka perlu mendapat persetujuan daripada Kementerian Kesihatan. Bagi produk-produk lain kalau ada kenyataan yang palsu dibuat oleh syarikat di bawah Trade Description Act atau Akta Perihal Dagangan, kita ada kuasa untuk mengambil tindakan terhadap syarikat yang membuat kenyataan palsu.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa jumlah pelabur asing yang dapat memegang 30 peratus ekuiti dalam syarikat jualan langsung sehingga hari ini dan apa sumbangan syarikat-syarikat asing terhadap negara kita ini?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, jumlah pelaburan dan juga beberapa syarikat yang mempunyai ekuiti tempatan, angkanya tidak dapat diberi dengan tepat. Walau bagaimanapun, sumbangan syarikat-syarikat asing dalam jualan langsung ini adalah untuk meningkatkan teknologi masing-masing dalam bidang jualan langsung. Kebanyakan syarikat-syarikat ini adalah pasaraya-pasaraya dan juga syarikat-syarikat besar yang selain dari mengusahakan pasaraya ataupun hyper market dan sebagainya, juga terlibat dalam direct selling.

KEGAWATAN EKONOMI - USAHA KERAJAAN MEMULIHKAN

3. **Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]** minta Perdana Menteri menyatakan setakat mana usaha beliau dapat membantu memulihkan kegawatan ekonomi Malaysia. Apakah nasihatnya bagi rakyat untuk menangani krisis ini yang tempoh pemulihannya belum diketahui.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang pertama yang menjadi bukti kejayaan dasar ekonomi kita ialah kita masih tidak perlu meminta bantuan IMF. Jika pengurusan ekonomi kita tidak baik, maka sudah tentu awal-awal lagi kita perlu meminta pertolongan badan antarabangsa dan kita akan dikenakan syarat-syarat tertentu tetapi oleh kerana kekuatan kewangan kita, sebelum mata wang kita diserang, kerajaan dan juga swasta tidak perlu meminjam dengan banyak dari luar negara. Pinjaman luar yang besarlah yang menyebabkan beberapa negara yang lain tidak dapat elak dari meminta pertolongan IMF.

Kekukuhan kewangan kita sebelum ini mengurangkan sedikit kegawatan yang kita hadapi tetapi Ringgit kita masih terdedah kepada serangan oleh pedagang mata wang dan ini menyusahkan usaha memulih ekonomi kita. Kita cuba pertahan nilai Ringgit tetapi seperti juga dengan negara lain, cara ini tidak dapat menyelamatkan kita.

Sekarang kita cuba mengurangkan penggunaan duit asing terutama Dollar Amerika dalam dagangan antarabangsa kita. Di masa yang sama kita cuba tingkatkan eksport. Strategi ini berjaya menghapuskan defisit dalam imbangan bayaran kita sehingga kita telah mencapai lebih sebanyak RM16 bilion dalam 4 bulan pertama tahun ini.

Kita sedang berusaha untuk berdagang secara barter dan bilateral payment arrangement, dengan izin, yang tidak menggunakan wang. Justeru itu keperluan untuk tukaran asing telah dikurangkan. Untuk menggerak semula aktiviti ekonomi dalam negeri, kita telah mengurangkan faedah dan menambah dana untuk bank.

Kita juga telah tubuh AMC ataupun Pengurusan Danaharta Nasional Berhad (Danaharta) untuk memulih tekanan hutang yang tidak berbayar ke atas bank dan syarikat. AMC juga akan menolong memulihkan syarikat yang bermasalah semata-mata kerana jatuhnya nilai Ringgit dan harga saham.

Dana bagi Industri Kecil dan Sederhana (IKS) juga telah diadakan untuk membiayai keperluan Industri Kecil dan Sederhana. Demikian juga untuk perumahan.

Untuk menambah kecairan, kerajaan akan adakan bon isu di dalam dan di luar negeri. Lain-lain tindakan sedang dirancang oleh MTEN yang kita percayai boleh mengurangkan kesan kejatuhan nilai Ringgit dan saham.

Nasihat untuk rakyat ialah supaya mereka bertenang, tidak bertindak liar dan mengurangkan pembelian barangan daripada luar negeri. Mereka harus menabung di bank dan tidak memindah wang mereka ke negara asing. Mereka perlu kurangkan perjalanan ke luar negeri dan membawa balik wang yang disimpan di luar negeri. Dengan kerjasama rakyat dan tindakan kerajaan, kita boleh mengurangkan kegawatan ekonomi.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bukannya benar bahawa sebab pokok kenapa krisis ekonomi semakin teruk – sungguhpun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada mengatakan bulan Januari dalam tiga tahun, 6 bulan mungkin boleh ada economic recovery ialah oleh kerana kerajaan tidak berjaya untuk memulihkan keyakinan rakyat Malaysia, pelabur tempatan atau orang asing dan ini khasnya dalam masalah pokok semacam kerajaan masih ada denial syndrome – menyalahkan krisis ekonomi kepada faktor-faktor luar, tidak mengakui ada kesilapan, kelemahan, dasar, pelaksanaan atau sistem – bahawa masalah KKN (Corruption, Cronisme dan Nepotisme) [*Disorak*] yang tidak boleh hilang oleh kerana tafsiran yang baru.....

Seorang Ahli: KOKS.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat....

Tuan Lim Kit Siang: Ya, itu soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Soal sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Soalannya ialah masalah kepercayaan dan ini boleh dilihat daripada keputusan pilihan raya Arau dan ketiga.....

Seorang Ahli: KOKS.

Tuan Lim Kit Siang:di mana mengenai information deficit. Masalah information deficit di mana bukan sahaja rakyat tidak percaya apa yang mereka baca di dalam surat khabar tetapi pun apa yang dikatakan oleh kerajaan. Bukankah ini untuk memulihkan keyakinan supaya

Seorang Ahli: KOKS.

Tuan Lim Kit Siang:....boleh menangani isu krisis ekonomi bahawa ketiga-tiga isu ini perlu ditangani, semacam ada satu Royal Commission Enquiry mengenai

nepotisme terhadap semua pemimpin-pemimpin politik, kerajaan dan pembangkang, tidak apa. *[Disampuk] [Ketawa]*

Seorang Ahli: KOKS.

Tuan Lim Kit Siang: Dan mengadakan tindakan untuk memulihkan keyakinan mengenai kebebasan akhbar oleh kerana apa yang berlaku Datuk Johan Jaffar – *Utusan Melayu* dan Nazri Abdullah – *Berita Harian*.....*[Disorak]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.....

Seorang Ahli: Soalan, soalan.

Tuan Lim Kit Siang:....menggoncangkan kepercayaan. *[Disampuk]*

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Ahli Yang Berhormat daripada Parti Pembangkang ini tidak begitu cekap bertutur kata, sebab itu soalan yang pendek sudah dijadikan panjang. Ini tidak menghairankan kerana Ahli Yang Berhormat adalah sama dengan burung tiung yang pandai berkata-kata. *[Tepuk][Ketawa]* Dan dengan itu apa sahaja yang disebut di dalam akhbar asing, maka dia pun menyuarakannya.

Perkataan ‘denial syndrome’, ‘korupsi’ dan KOKS, bukan KOKS *[Ketawa]* maaf, Tuan Yang di-Pertua, crony, capitalisme, apa semua ini kita tidak pernah dengar dia bercakap dan guna perkataan ini sebelum perkataan-perkataan ini diguna dalam akhbar asing. Apabila dia dengar, maka seperti juga burung yang diajar bercakap, maka dia mulalah keluaran balik perkataan ini. *[Tepuk]* Sebab ini dia berkata bahawa kita mempunyai ‘denial syndrome’. Kononnya kita menolak. Kita tidak menolak, yang menolak ialah Ahli Yang Berhormat sendiri kerana dialah yang mengamalkan nepotisme. *[Sorak]* Sudah pun ada line-up untuk masa depan iaitu anak sendiri akan mengambil tempat. *[Ketawa][Sorak][Tepuk]* Inilah nepotisme yang terbesar sekali yang dapat dilihat tetapi sementara dia berkata kita tidak percaya kepada apa yang terdapat di dalam surat khabar, dia juga nampak tidak percaya apabila surat khabar melapor tentang nepotisme yang diamalkan olehnya. Segala-galanya hendak ditutup mulut, tidak boleh bercakap, ada sensor. Ini merupakan satu ‘denial syndrome’ daripada Ahli Yang Berhormat. Dia tidak mahu mengakui benda yang benar, sebaliknya kita mengakui dan kita bercakap dengan terus terang – menidakkan benda yang tidak ada.

Kalau kita begini buruk seperti Ahli Yang Berhormat ikut perkataan yang dilaporkan oleh akhbar asing, mustahil negara kita boleh mencapai kemajuan, tetapi negara kita adalah dianggap sebagai negara yang termaju di antara negara-negara yang membangun dan ini tidak boleh berlaku kalau kita amalkan cara-cara yang buruk seperti yang diamalkan oleh Ahli Yang Berhormat kerana Ahli Yang Berhormat mengamalkan nepotisme, maka partinya tidak pernah mendapat kejayaan. Hendak dapat Pulau Pinang sudah berkali-kali – Pulau Pinang I, Pulau Pinang II, Pulau Pinang III, Pulau Pinang IV, Pulau Pinang V – dok bercakap itulah tetapi rakyat tidak percaya fasal dia sendiri tidak pernah terima bahawa yang dibuat olehnya itu adalah salah. Jadi, kalau dia hendak betul, betulkan diri sendiri dulu, [*Tepuk*] lepas itu cakap fasal orang lain. Ini apa sahaja yang disebut oleh akhbar asing, percayalah dalam jangka masa satu saat dia pun berkata. Kalau kata ‘denial syndrome’ dalam *Far Eastern Economic Review* lima second selepas itu ‘denial syndrome’, kalau kata ‘korupsi’ dia pun kata ‘korupsi’. Tidak ada langsung pemikiran sendiri, penilaian sendiri.

Sepatutnya kerajaan ini sudah memerintah selama 40 tahun, awal-awal lagi kita dengarlah cakap macam ini tetapi tidak pernah sehinggalah perkataan-perkataan ini terdapat dalam akhbar asing, maka dia baca, hah, itulah mungkin jadi dia macam ‘his masters voice’, dia duduk depan set gramophone itu, bila dia dengar yang itu, ‘wow-wow’ – bunyi. [*Ketawa*]

Jadi, yang menjadi masalah kepada kita fasal quality opposition kita begitu rendah sekali. Jadi, tidak ada apa yang dikeluarkan yang bernas, yang ada substance. Inilah tragedi Malaysia, tidak ada opposition yang berguna. Eloklah dia berhenti, berilah orang lain menjadi pemimpin DAP. [*Ketawa*]

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa setakat ini pihak pembangkang tidak langsung menolong pihak kerajaan untuk memulih keadaan ekonomi, bahkan mengambil kesempatan menanggung di air yang keruh, memburukkan dan menyalahkan kerajaan dalam ceramah-ceramah depa terutama sekali dalam ceramah-

ceramah mereka yang kononnya kerajaan kita tidak cekap. Jadi, tidak adakah cara ataupun tindakan sewajarnya yang boleh diambil terhadap mereka ini?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, memanglah bagi orang yang tidak ada modal ini apa pun juga keburukan yang berlaku di dalam negara akibat daripada tindakan orang lain, ini akan menjadi modal kepada mereka. Sebab itu mereka mendakwa bahawa dalam pilihan raya yang akan datang ini, mereka akan mendapat kemenangan yang besar dan kalau kita tanya kepada diri kita siapakah yang akan memberi kemenangan kepada mereka, tentulah orang asing yang menimbulkan masalah dalam negara kita. Dengan itu kita boleh berkata bahawa ini adalah ejen orang asing dalam negara kita – mengharap kepada orang asing untuk mendapat sesuatu bagi diri mereka walaupun tindakan orang asing ini merosakkan negara kita. Mereka seolah-olah begitu seronok melihat negara kita menghadapi masalah kerana bagi mereka ini adalah peluang untuk mendapat beberapa undi bagi diri mereka tetapi malang bagi mereka, mereka juga menghadapi masalah dalaman yang tidak dibenar sesiapa berbincang kerana ini adalah satu liberal attitude yang terdapat dalam parti lawan belum pun mereka memerintah – kita project ini kepada kemungkinan mereka memerintah, barangkali lagi seribu tahun, maka kita akan tahulah jenis kerajaan yang akan mereka dirikan yang mana tidak ada orang yang boleh menegur, kalau pun hendak bubuh anak, adik, cucu apa semua jadi pemimpin, tidak boleh sesiapa menegur kerana ini adalah hak mereka dan inilah yang menjadi masalah.

Sekali lagi saya berpendapat bahawa parti lawan patutlah betulkan diri mereka dahulu, selepas itu pergi menangguk di air yang seberapa keruh yang boleh.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada kegawatan selama 12 bulan ini, saya nampak ada satu sahaja gejala yang positif iaitu kelebihan perdagangan. Mungkin pada akhir tahun ini kelebihan RM30 bilion, mungkin! Tetapi, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menerangkan apakah rasional bahawa pada mulanya dasar jimat-cermat potongan 20 peratus perbelanjaan dilaksanakan. Kemudian ada dana-dana untuk merangsang ekonomi, misalnya RM7 bilion untuk merangsang ekonomi. Ini bermakna Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menggunakan dasar yang baru, yang pada mulanya jimat-cermat kepada peringkat yang

kedua itu untuk merangsang ekonomi. Adakah ini satu dasar 'Keynesian' untuk anti-cyclical untuk memulihkan ekonomi dan akhir sekali bilakah ekonomi kita akan pulih kalau kita semua bekerjasama? *[Disorak]* Memang kita bekerjasama.

Perdana Menteri: Saya ucap terima kasih, sekurang-kurangnya Ahli Yang Berhormat yang sebelah ini – sepatutnya dia tolak dia punya pemimpin fasal dia lebih baik lagi daripada pemimpin dia. Saya ingat eloklah singkirkan pemimpin itu *[Ketawa]* – kerana sekurang-kurangnya mengakui bahawa kita telah mencapai kejayaan dengan mengurangkan defisit dan menambahkan surplus dalam balance of payment.

Kerajaan membuat keputusan untuk mengurangkan perbelanjaan kerajaan iaitu oleh kerana kita tetap akan kurang pendapatan kerana kegawatan ekonomi, maka kita mengurangkan perbelanjaan kerajaan sebanyak 20 peratus. Ini tidak bermakna bahawa kita hendak supaya semua syarikat tidak dapat berjalan. Kalau mereka tidak dapat berjalan dengan baik, mencapai keuntungan, maka kerajaan tidak akan memperoleh cukai yang cukup. Sebab itu sementara kita kurangkan perbelanjaan kerajaan, kita hendak supaya private sector ini aktif dan meneruskan perniagaan mereka supaya mereka mendapat keuntungan. Nampaknya mereka kekurangan dana dan dengan itu kita menambah dana untuk bank dan sistem kita supaya kita dapat memberi pinjaman yang lebih untuk perniagaan. Jadi, tidak ada perselisihan ataupun pertentangan antara pengurangan belanja kerajaan dengan menambah bekalan wang ataupun kecairan dalam financial market. Itulah yang telah dilakukan oleh kita.

Tuan Jimmy Donald: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu sama ada kerajaan ada rancangan hendak mengarahkan bank-bank untuk menurunkan 'interest rate' dan sama ada juga kerajaan ingin mengarahkan untuk bank-bank menjadualkan semula hutang-hutang supaya orang yang berhutang itu tidak begitu teruk apabila dilanda kegawatan ekonomi ini. Sekian, terima kasih.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf tidak jawab sepenuhnya soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kepong iaitu bilakah kegawatan ini akan tamat. Walaupun saya menghargai kerjasama semua pihak termasuk kerjasama

dari Ahli Yang Berhormat bukan ahli yang di sebelah itu. (Ahli Dewan ketawa) Kita tidak akan capai kejayaan selagi kuasa ada di tangan pedagang mata wang ini untuk meruntuhkan ekonomi negara-negara membangun. Kita lihat mereka daripada sebuah negara ke sebuah negara, tidak ada kerja lain, melainkan meruntuhkan ekonomi untuk mendapatkan keuntungan yang besar kepada mereka.

Baru-baru ini Afrika Selatan menghadapi masalah, mereka ini hanya boleh didisiplinkan oleh kerajaan mereka tetapi kerajaan mereka juga mendapat keuntungan yang banyak daripada kegawatan ekonomi kita dan tidak nampak mereka akan berusaha. Dengan itu kita tidak boleh memberi jaminan bila kegawatan ekonomi akan tamat, walaupun kita dapat kerjasama daripada Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

Berkenaan dengan 'interest rate' ataupun faedah bank ini, kita akan cuba menurunkan faedah seberapa yang boleh tetapi masalah kita ialah sementara kita cuba mengurangkan 'interest rate' ada negara lain yang sengaja menaikkan 'interest rate' untuk pinjaman ringgit - kadang-kadang sehingga 40%. Dengan itu ramai daripada rakyat Malaysia terbawa-bawa untuk membawa wang mereka ke negara asing untuk mendapatkan faedah yang besar. Dengan itu juga, maka duit untuk pinjaman oleh bank kita berkurangan. Kalau kita kurangkan sangat 'interest rate' kita, maka tidak akan ada sesiapa yang akan menyimpan wang dalam bank kita dan dengan itu kita tidak akan mempunyai cukup wang.

Namun demikian, kita sedang berusaha mencari jalan supaya sementara 'interest rate' itu dihadkan kepada paras yang ada ataupun kurang sedikit daripada itu, cara-cara lain diguna untuk menolong peniaga kita mendapat pinjaman yang lebih murah - mungkin tidak melalui saluran bank. Dengan ini maka kos perniagaan akan dapat dikurangkan.

KEBAKARAN TERBUKA – LANGKAH PENGUATKUASAAN

4. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut) minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

- (a) bilangan kes syarikat-syarikat dan individu yang telah didakwa kerana melakukan kesalahan pembakaran terbuka sehingga kini; dan
- (b) apakah langkah-langkah dan bentuk serta penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh kementerian bagi menangani masalah ini bagi jangka pendek dan jangka panjang setelah Akta baru diluluskan.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Datuk Law Hieng Ding]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan;

- (a) Bagi tempoh 1 Januari 1996 hingga 19 Julai 1998 terdapat 176 kes yang telah didakwa di mahkamah kerana melakukan kesalahan pembakaran terbuka di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.
- (b) Dalam melaksanakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, antara aktiviti penguatkuasaan yang telah dijalankan bagi jangkamasa pendek ialah menjalankan Operasi Mencegah Kebakaran dengan membuat rondaan setiap hari di seluruh negara untuk membanteras kebakaran, serta mengesan pembakaran terbuka melalui udara dengan kerjasama Unit Udara Polis (UUP). Kes-kes pembakaran terbuka yang dikesan dan disiasat akan dikenakan tindakan undang-undang sewajarnya.

Bagi aktiviti penguatkuasaan jangka panjang, kempen-kempen kesedaran dan pendidikan mengenai larangan pembakaran terbuka dan amalan pembakaran sifar (zero burning) dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, sedang giat dijalankan untuk kumpulan sasaran khususnya pengusaha/pemilik ladang, pekilang-pekilang dan para usahawan projek-projek pembangunan juga di kalangan generasi muda seperti murid-murid sekolah dan lain-lain.

Di samping itu satu perintah yang akan dinamakan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti-aktiviti Yang Ditetapkan) (Pembakaran Terbuka) 1998 sedang disediakan dan akan diwartakan tidak lama lagi. Perintah ini akan menjelaskan lagi keadaan-keadaan dan syarat-syarat tertentu di mana pembakaran terbuka boleh dilakukan.

Di antara aktiviti-aktiviti itu ialah:

- Pertanian Berpindah (Shifting Cultivation)
- Pembakaran Jerami Padi
- Pembakaran Daun-daun Pokok Tebu
- Pembakaran Bersabit Dengan Kepercayaan Keagamaan
- Pembakaran Oleh Petani-petani Kecil

Walau bagaimanapun ini tidak bermakna sesiapa sahaja boleh melakukan pembakaran terbuka dengan sewenang-wenangnya. Adalah diharapkan kelonggaran ini tidak disalahgunakan. Kementerian ini memohon kerjasama semua pihak yang terlibat supaya mematuhi sepenuhnya kehendak-kehendak perintah ini bagi mengelakkan kejadian jerebu demi menjaga kesihatan orang ramai dan imej negara.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, sekarang ini kita berdepan dengan masalah El-Nino dan kemungkinan mengikut berita-berita yang kita terima, ramalan - penghujung tahun ini kita akan berdepan pula dengan masalah La-Nina di mana terdapat hujan dan banjir. Mungkin keadaan ini agak luar biasa dari keadaan yang kita alami sebelum ini. Jadi saya hendak tahu apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian ataupun kerajaan dan juga nasihat pihak kementerian kepada rakyat jelata dan bagaimana kita hendak berdepan dengan masalah ini apabila sampai masanya. Sekian.

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan ini ada sedikit berlainan dengan soal pembakaran terbuka tetapi saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjawab soalan tambahan dari Ahli Yang Berhormat itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat semua, fenomena El-Nino ini telah berakhir dan mengikut ramalan cuaca (WMO) kemungkinan akan berlakunya La-Nina pada penghujung tahun ini tetapi ini belum ditentukan. Walau bagaimanapun, kementerian melalui Jabatan Perkhidmatan Kaji cuaca masih meneruskan pengawasan dan menghubungi WMO dan agensi-agensi yang lain

mendapat maklumat terkini. Mengikut rekod yang kita ada pada 20 tahun yang lepas telah berlakunya 4 kali fenomena El-Nino tetapi hanya terdapat satu kali La-Nina sahaja. Jikalau ini berlaku, ini bererti beberapa kawasan di negara kita ini akan menghadapi atau dilanda dengan La-Nina ini khasnya di negeri Sarawak dan Sabah. Semua negeri akan dinasihatkan membuat persiapan untuk menghadapi masalah La-Nina iaitu berertinya akan banjir di mana tempat yang rendah. Terima kasih.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan pembakaran terbuka adalah satu-satu sebab yang menyebabkan jerebu di kawasan rantau ini, bolehkah Yang Berhormat Menteri tolong memberitahu apakah paras jerebu atau API pada masa sekarang khasnya di Pulau Pinang di mana penglihatan nampaknya agak sentiasa kabur pada masa ini?

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Indeks Pencemaran Udara hari ini, pada jam 11.00 pagi – maksimum yang dicatatkan ialah 43 sahaja iaitu di kawasan Kuala Lumpur dan yang terendah sekali iaitu minimum ialah 15 sahaja iaitu di kawasan Kuantan dan di Pulau Pinang pun tidak begitu tinggi, Tuan Yang di-Pertua. Kalau saya boleh ‘check’ rekod di sini - iaitu di Sungai Petani: 23 sahaja, itu bacaan terkini.

Tuan Jimmy Donald: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri adakah betul bahawa pembakaran terbuka ini adalah dibenarkan untuk petani-petani dari kaum Dayak yang berhuma di Native Customary Right Land (NCR) dan saya juga ingin tahu sama ada ini di bawah bidang kuasa NRAB di Sarawak ataupun di bawah bidang kuasa Yang Berhormat Datuk Menteri?

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, ini ada terdapat dua akta, yang satu di peringkat negeri dan satu di peringkat kebangsaan. Walau

bagaimanapun, kedua-dua pihak akan menyelaraskan kedua-dua akta ini. Ini tidak akan berlaku pertindihan di kedua-dua pihak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini akan mengedarkan ringkasan perintah iaitu Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti-aktiviti Yang Ditetapkan) (Pembakaran Terbuka) 1998 kepada semua kerajaan negeri dan Pejabat Alam Sekitar di peringkat negeri untuk digunakan sebagai garis panduan bagi mengawal pembakaran terbuka yang tidak dapat dielakkan, sementara waktu, Akta Kualiti atau Perintah ini yang dikuatkuasa.

PEMBIAYAAN PELAJAR DI PUSAT IPTS – TAJAAN BSKL

5. Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis (Rompin) minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah kementerian berhasrat untuk menjemput syarikat-syarikat awam yang tersenarai di BSKL untuk membiayai pembelajaran pelajar-pelajar terutama pelajar Bumiputera di pusat-pusat IPTS.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini, Kerajaan belum ada rancangan bagi menjemput syarikat-syarikat awam yang tersenarai di BSKL untuk membiayai pembelajaran pelajar-pelajar termasuk pelajar bumiputera di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Namun demikian, Kementerian Pendidikan mengalu-alukan mana-mana pihak yang berminat untuk menaja pembiayaan pendidikan kepada pelajar-pelajar sama ada di IPTA atau IPTS.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis: Terima kasih, soalan tambahan. Semenjak kerajaan mengalakkan pertumbuhan pusat-pusat Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) macam ternampak, terpanggil ramai anak-anak muda yang dahulu tidak ada tempat untuk belajar di IPTA, sekarang ini memasuki IPTS. Tetapi persoalan yang timbul bagi mereka, terutamanya mereka yang datang dari luar bandar, walaupun mereka ini ada minat, ada kelulusan untuk masuk ke IPTS, persoalannya kemampuan mereka. Adakah kerajaan bercadang untuk di masa akan datang, Pengerusi dari Tambun ada ini, untuk mengadakan satu skim pinjaman untuk anak-anak kita terutamanya anak luar bandar yang tidak mampu untuk mendapatkan sumber pinjaman bagi mereka

memasuki IPTS atau Institusi Pengajian Tinggi Swasta ini. Saya minta sedikit penjelasan?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah satu cadangan yang baik yang perlulah Kementerian Pendidikan mengkajinya. Persoalannya sekarang ialah dari mana kita mendapatkan peruntukan itu untuk mewujudkan tabung tersebut. Memang Kementerian Pendidikan telah mewujudkan Tabung Pendidikan Negara tetapi malangnya oleh kerana peruntukan yang diberi adalah peruntukan yang terhad, buat masa ini kita buka ruang itu kepada pelajar-pelajar di IPTA dan juga di universiti-universiti swasta sahaja. Sekiranya Kementerian Pendidikan boleh dapat satu peruntukan yang lebih besar sejajar dengan keperluan, memang Kementerian Pendidikan boleh kaji sekali lagi tentang cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan Chiew Chiu Sing: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada cadangan ataupun tabung dan peruntukan yang dikatakan oleh Timbalan Menteri tadi, bagaimanakah kerajaan dapat membantu lagi para pelajar dari keluarga miskin yang belajar di IPTS selain dari apa yang dikatakan oleh Timbalan Menteri, mereka yang tidak mampu membiayai kos pengajian di IPTS meskipun mereka telah puas memohon pelbagai bantuan tetapi tidak berjaya.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan memang peka dan prihatin tentang masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar di IPTS khususnya mereka yang berasal dari keluarga yang miskin. Saya rasa pihak kolej-kolej swasta dan juga institusi-institusi yang lain di IPTS itu memang peka dan prihatin tentang masalah itu dan kebanyakan kolej swasta itu telah mewujudkan rancangan biasiswa, rancangan bantuan kewangan dan sebagainya untuk memberi sokongan kepada pelajar-pelajar.

Baru-baru ini Kementerian Pendidikan sudah berbincang dengan beberapa buah kolej swasta dan mereka telah bersetuju untuk menyokong kempen kita Menghormati Guru dan pada dasarnya mereka bersetuju untuk memberi diskaun daripada bayaran yuran bagi anak-anak guru supaya mereka lebih senang menghabiskan kursus di kolej-kolej

swasta. Saya yakin bahawa skim-skim seperti ini kalau kita bincang dengan kolej-kolej swasta kemungkinan boleh diperluaskan kepada anak-anak daripada keluarga miskin.

**PIL VIAGRA - KAJIAN KEMENTERIAN
DAN PERKEMBANGAN**

6. **Tuan Haji Mustafa bin Muda [Hulu Terengganu]** minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) mengikut kajian oleh pihak kementerian apakah benar pil "viagra" benar-benar terbukti mujarab (rangsangan kelamin); dan
- (b) adakah pihak kementerian mengadakan siasatan rapi dan mengenal pasti jualan pil "viagra" di kawasan sempadan Malaysia/Thailand sepertimana yang dilaporkan serta adakah pihak kementerian telah mengenalpasti klinik swasta/farmasi yang didapati menjual pil tersebut di pasaran gelap dan apakah tindakan pihak kementerian selanjutnya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan dua pertanyaan lagi mengenai isu-isu yang sama yang berkaitan oleh 2 orang Ahli -ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru pada 21.7.1998 dan Libaran pada 29.7.1998.

Pil viagra diluluskan oleh Food and Drug Administration (FDA), Amerika Syarikat, dengan izin, dalam bulan Mac, tahun ini untuk penggunaan pesakit yang di 'diagnose' menghadapi masalah 'mati pucuk' atau 'erectile dysfunction' dengan izin. Penjualan pil viagra memerlukan preskripsi pengamal perubatan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Syarikat Pfizer (M) Sdn. Bhd. telah mengemukakan keluaran viagra untuk pendaftaran dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD), Kementerian Kesihatan untuk pemasaran keluaran ini di Malaysia. Permohonan ini adalah dalam peringkat penilaian terakhir iaitu kajian oleh pakar-pakar klinikal. Keputusan PBKD dijangka akan dibuat selewat-lewatnya pada akhir tahun ini.

Kementerian Kesihatan sedang mengambil tindakan supaya pil viagra dikawal sebagai racun Bahagian I Kumpulan B, di bawah Akta Racun 1952 di mana penjualan atau pembekalan kepada pesakit-pesakit memerlukan preskripsi pengamal perubatan berdaftar. Buat sementara ini, Kementerian Kesihatan tidak menerima laporan atau mengesan penjualan haram pil viagra dalam negara ini. Walau bagaimanapun, pegawai-

pegawai penguatkuasa telah diarahkan supaya meningkatkan pengawasan di atas perkara ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian ini tidak ada perangkaan mengenai bilangan lelaki yang menghadapi masalah mati pucuk. Walau bagaimanapun, mengikut satu kajian yang dijalankan Massachusetts Male Aging study (MMA) dengan izin, yang melibatkan orang lelaki berumur 40 tahun hingga 70 tahun, menunjukkan 5% hingga 15% daripada mereka mempunyai 'complete erectile dysfunction' dengan izin. Sekiranya diambil kira 'complete and moderate erectile dysfunction' dengan izin, kadar ini adalah sebanyak 35%. MMA studies kini sedang dijalankan di Malaysia dan hasilnya belum diketahui setakat ini. Mengikut data daripada Klinik Impotence di Hospital Kuala Lumpur bilangan pesakit yang mendapat rawatan pada 1997 adalah seramai 230 orang. Bagi enam bulan pertama tahun 1998 bilangan pesakit telah naik kepada 240 orang. Ini adalah kerana Persidangan Impotence Asia Pacific Region yang diadakan pada awal tahun ini.

Walaupun bagaimanapun kementerian ini sedar akan kemungkinan pil viagra ini boleh disalahgunakan dan ingin menyeru kepada semua pihak termasuk ahli-ahli profesional dan orang ramai supaya tidak menggunakan pil viagra sewenang-wenangnya untuk mengelakkan masalah sosial yang mungkin timbul dan juga sebarang kesan buruk (adverse) seperti yang dilaporkan di Amerika Syarikat. Masalah sosial diakibatkan dari penggunaan pil viagra masih belum jelas dikesan. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan sentiasa berwaspada dan usaha-usaha pencegahan penyakit sentiasa diberi keutamaan.

Berkenaan dengan kajian Tongkat Ali sukacita dimaklumkan bahawa Institut Penyelidikan Perubatan bersama-sama dengan agensi lain sedang menjalankan kajian ke atas ubat ini.

Dr. G. Leelavathi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada pengetahuan saya ada lagi banyak bahan-bahan yang dikira effective, dengan izin, seperti buah durian, bawang merah, putih dan sebagainya. Mengapakah tumpuan diberi sangat kepada pil viagra?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, pil viagra sekarang adalah satu pil yang sangat disukai oleh kaum lelaki dan sekarang pun nampaknya kaum wanita pun terlibat dalam soalan ini. Sebab ada satu laporan dari FDA di mana pil viagra adalah yang paling baik untuk penyakit mati pucuk. Di Amerika 30 juta orang yang terlibat dalam ini oleh itu orang sangat meminati dengan pil ini.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah apa-apa kajian dibuat di negara ini, berapa peratus lelaki adalah 'impotence' yang perlukan ubat-ubat seperti ini ataupun Tongkat Ali.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah ulang soalan sebab saya tidak dengar.

Tuan M. Kulasegaran: Adakah apa-apa kajian yang telah dibuat untuk memastikan bahawa berapa peratus lelaki yang terlibat dalam 'impotence' dan adakah ubat-ubat seperti viagra atau Tongkat Ali dapat diatasi di negara kita ini.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada.

LUMBA HARAM - USAHA-USAHA MENGATASI

7. **Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood [Kuala Kerai]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sejauh mana kerjasama dan tindakan bersepadu dengan kementerian lain telah dijalankan untuk mengatasi masalah lumba haram di negara ini yang semakin serius. Adakah kerjasama berkenaan melibatkan 'fatwa' dan undang-undang pendakwaan pelumba haram disifatkan sebagai 'bunuh diri' dan memerlukan hukuman mandatori.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, perlumbaan haram adalah suatu kegiatan tidak sihat di mana mereka yang terlibat didapati memandu atau menunggang sesuatu kenderaan di jalan awam secara merbahaya dan mendatangkan bahaya kepada diri sendiri dan juga pengguna jalan raya yang lain.

Oleh kerana kegiatan lumba haram ini berbentuk ganas dan merupakan satu kesalahan yang lebih mendorong kepada berlakunya kemalangan maka usaha membendung kegiatan ini diterajui oleh Polis Diraja Malaysia. Dalam pada itu kerjasama bersepadu antara agensi penguatkuasa lain seperti Jabatan Pengangkutan Jalan dan Jabatan Alam Sekitar sering diadakan. Namun setakat ini kerjasama yang dilaksanakan adalah tertumpu kepada penguatkuasaan perundangan berkaitan dengan memandu atau

menunggang dengan gopoh atau cuai hingga membahayakan nyawa manusia atau hingga mungkin menyebabkan cedera atau bencana kepada seseorang lain dan pendakwaan yang dijalankan tidak berlandaskan kepada perlakuan untuk membunuh diri.

Tuan Yang di-Pertua, usaha menangani kegiatan yang tidak sihat ini akan diteruskan. Di samping itu bagi membendung kegiatan lumba haram ini dari terus menular, kerajaan sedang menyemak semula peruntukan di bawah kanun keseksaan bagi tujuan mengenakan hukuman yang lebih berat termasuk sebatan dan penjara mandatori sebagai pencegahan atau deterrent, dengan izin.

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan sedar bahawa anak-anak muda yang terlibat dengan perlumbaan haram ini adalah terpengaruh dengan siaran secara langsung ataupun tidak langsung perlumbaan-perlumbaan motor di TV dan juga dalam media massa.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa apa yang ditayangkan di TV itu menarik minat anak-anak muda dan mereka hendak cuba masuk dalam gelanggang, tidak mampu, oleh itu mereka menggunakan jalan raya untuk mereka berlumba. Jadi tidakkah kerajaan berhasrat untuk mengharamkan penayangan melalui TV tentang perlumbaan motor dan juga motokar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa tayangan perlumbaan kereta ini sebenarnya tidak bersabit dengan Kementerian Pengangkutan tetapi bersabit dengan Kementerian Penerangan. Walaupun soalan Yang Berhormat tadi itu bersabit dengan perlumbaan kereta.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat pada peringkat ini perlumbaan haram ini sudah melampau. Baru-baru ini kita lihat di Terengganu selepas sembahyang Jumaat sampai ramai yang terlibat kemudian ada pula polis sendiri dilanggar oleh lumba haram ini. Jadi tadi saya mengucapkan syabas bahawa kerajaan memang serius dalam hal ini dan akan meminda penal code.

Saya hendak tanya pihak kerajaan adakah berhasrat juga untuk meminda 'Road Traffic Act' (Akta Jalan Raya) sekarang iaitu 'to suspend' dengan izin, iaitu membatalkan lesen mana-mana mereka yang terlibat dengan lumba haram ini, apabila disabit

kesalahan lesennya dibatalkan seumur hidup kerana apabila mereka ini tidak ada di atas jalan raya maka keadaan jalan raya lebih selamat lagi.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, walaupun apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat adalah cadangan yang baik tetapi untuk makluman Dewan yang mulia ini Road Traffic Act dengan izin, ini memang mempunyai tujuan yang lain dan apa kerajaan sedang lakukan ialah dari aspek penjenayah maka pindaan-pindaan kepada peruntukan Kanun Keseksaan lebih sesuai untuk maksud yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dan dalam cadangan pindaan yang dicadangkan kepada kerajaan, penaltinya selain daripada penalti denda yang lebih tinggi ada juga sebatan dan juga sekarang jika cadangan itu diluluskan, maka mahkamah diberikan hak untuk melucutkan hak kenderaan kepunyaan penjenayah ataupun seorang penunggang motosikal yang terlibat dalam lumba haram yang didapati bersalah. Selain daripada itu juga mahkamah akan diberikan hak atau perintah supaya lesen pesalah dihilangkan untuk seumur hidup jika didapati bersalah.

PENGLIBATAN SYARIKAT-SYARIKAT DALAM MSC

8. **Dr. G. Leelavathi (Kapar)** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah nama syarikat-syarikat dan pihak-pihak yang telah mengesahkan penglibatan mereka di dalam Koridor Raya Multimedia dan berapakah nilai pelaburan mereka masing-masing dan tarikh pembukaan operasi mereka di MSC.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat sehingga kini terdapat sebanyak 154 syarikat telah mengesahkan penyertaan dalam Koridor Raya Multimedia (MSC). Memandangkan bilangannya yang terlalu banyak, jika diperlukan Ahli Yang Berhormat akan diberi secara bertulis atau boleh juga memperolehnya melalui laman web atau web site dari kementerian saya. Nilai keseluruhan pelaburan yang dicadangkan berjumlah kira-kira RM2.2 bilion dalam jangkamasa 1 tahun mereka beroperasi dan lebih daripada RM3 bilion dalam jangkamasa 5 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi nilai pelaburan bagi setiap syarikat pihak kementerian tidak dapat memberikan maklumat tersebut secara terperinci oleh kerana ianya terikat kepada satu perjanjian non-disclosure dengan syarikat-syarikat tersebut. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat daripada jumlah 154 syarikat yang telah mendapat kedudukan MSC, sebanyak 113 syarikat telahpun mulai beroperasi. Daripada 154 syarikat tersebut sebanyak 65 buah syarikat adalah daripada syarikat tempatan, 32 syarikat usahasama tempatan dan asing dan 57 syarikat asing. Sebanyak 88 syarikat masih lagi beroperasi di luar kawasan bandar cyber MSC, sementara selebihnya berada di kawasan bandar cyber MSC iaitu di Taman Teknologi Malaysia, Pusat incubator UPM dan Cyberjaya.

Tuan Chia Kwang Chye: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini kerajaan telah mengumumkan peruntukan sejumlah RM600 juta untuk pembangunan Cyberview di MSC. Jadi saya mahu tanya sama ada peruntukan ini adalah untuk mempercepatkan pelaksanaan projek-projek teknologi MSC seperti Electronic Government atau Manufacturing Web. Jika tidak, apakah tujuan peruntukan ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, jumlah RM600 juta yang dibekalkan untuk pembangunan Cyberview ini adalah untuk pembangunan fizikal dan tiada kaitan dengan projek application.

Dato' Hon Choon Kim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan tahniah kepada kementerian Yang Berhormat Dato' kerana telah melaksanakan banyak usaha untuk menarik banyak syarikat untuk datang ke MSC ini. Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat, sama ada Yang Berhormat berpuas hati tentang apa yang telah kita capai setakat ini. Dan kalau kita bandingkan dengan tujuan asal atau target asalnya. Lagi satu saya ingin bertanya ialah

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, masa tidak mengizinkan.

Dato' Hon Choon Kim: ...antara syarikat-syarikat yang akan datang sama ada Microsoft telah memberi keputusan untuk datang ke sini. Sekian, terima kasih.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan memang berasa puas hati tentang response kita terima dari syarikat, baik syarikat tempatan mahupun syarikat asing untuk menyertai MSC, sungguhpun dalam kegawatan ekonomi. Dan pihak kerajaan yakin bahawa kita akan sampai ataupun capai matlamat yang ditetapkan itu iaitu kita akan menarik sebanyak 200 buah syarikat untuk menyertai MSC pada hujung tahun ini. Mengenai Microsoft, dengan sukacitanya saya hendak memberitahu kepada Dewan yang mulia ini bahawa Microsoft melalui sebuah syarikat bernama Microsoft Knowledge Capital Centre Sdn. Bhd. telah pun mengemukakan permohonan dan telahpun diluluskan oleh MDC untuk kedudukan atau status MSC dan ia akan beroperasi di MSC tidak lama lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan sudah suntuk.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 hingga 71 akan dijilid dalam buku berasingan]

USUL

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)

Dasar Pendidikan Negara dan Nasib Pelajar Bumiputera.

3.36 ptg.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, dengan hormatnya merujuk perkara di atas saya mohon Dewan ini membenarkan Yang Berhormat Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood, Ahli Parlimen Tumpat mengemukakan usul atas perkara tertentu, kepentingan orang ramai dan hendaklah disegerakan di bawah peraturan 18(1) supaya Majlis mesyuarat ini ditangguhkan bagi membincangkan Dasar Pendidikan Negara dan Nasib Pelajar Bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, saya berani menyatakan bahawa andainya tokoh dan pengasas pendidikan nasional Almarhum Aminuddin Baki masih bersama kita pada hari ini, pasti beliau meratapi nasib dan masa depan pelajar bumiputera yang begitu malang. Beliau bukan sahaja terkejut kerana sebuah sekolah di ibu kota yang diabadikan dan di dedikasikan atas nama beliau telah terbakar pada minggu lalu. Walau apapun sebab dan puncanya namun lebih jelas jauh lagi kesedihan beliau adalah kerana melihat pelaksanaan Dasar Pendidikan Nasional (DPN), yang menyimpang jauh dan kesannya yang menyebabkan pelajar bumiputera terpinggir dan inferior dengan izin, dengan menghadapi cabaran arus perkembangan dunia moden.

Kita masih ingat satu waktu dahulu, negara menjadi gempar dan kecoh apabila tuntutan untuk mewujudkan Universiti Merdeka setaraf dengan status universiti awam mendapat tentangan keras dari tokoh nasional dan pejuang pendidikan nasional. Namun sekarang ini institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) bebas wujud di negara ini walaupun program dan dasarnya tidak selaras dengan DPN. Ertinya negara kita sekarang ini melahirkan dua jenis graduan yang berjalan dan menuju arah saling bertentangan.

Dapatlah kita bayangkan apakah akibat yang akan berlaku, akibat polarisasi pendidikan ini. Sedangkan punca dan sebab berlakunya tragedi 13 Mei adalah kerana nasib kaum pelajar bumiputera malang dan inferior. Sementara itu pula

baru-baru ini berlaku kekecohan akibat pelajar bumiputera lepasan sekolah menengah seramai 22 ribu orang dikatakan tersilap mengisi borang komputer dan nama mereka ditolak kerana tidak layak untuk memasuki universiti. Selanjutnya antara pelajar yang diterima dan dikatakan berjaya memasuki universiti awam, tempatan terdapat ramai mereka yang terpaksa balik kampung kerana mereka dipindahkan ke IPTS yang difrancaiskan gara-gara mereka tidak mampu untuk menampung kos pengajian yang tinggi. Malah lebih sulit lagi jika diambil kira soal perbelanjaan sewa rumah, makan, minum dan pengangkutan. Sebenarnya satu masalah lain lagi yang lebih serius daripada kekecohan tersebut di atas. Pelajar bumiputera mengalami dua kerugian besar berbanding dengan pelajar bukan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, bumiputera terpaksa membayar kos dan beban tinggi untuk mengikuti pengajian matrikulasi berbanding dengan bukan bumiputera yang belajar dengan percuma dari segi kemudahan-kemudahan pendidikan kerana mereka memasuki kelas STPM sebelum melanjutkan pengajian ke universiti kemudiannya.

Apabila pelajar bumiputera lulus sebagai graduan pula mereka merupakan second class graduate, dengann izin berbanding bukan bumiputera kerana mutu pendidikan mungkin diterima bermula dari peringkat matrikulasi adalah lebih rendah atau inferior berbanding kursus STPM.

Apa ertinya mereka terpaksa membayar yuran beban pengajian tinggi dari awal, sedangkan peluang mereka untuk mendapat pekerjaan pula tidak dapat mengatasi graduan bukan bumiputera. Semestinya itu pula, setelah mereka kononnya bernasib baik juga kerana mendapat pekerjaan. Mereka terpaksa menanggung hutang dan membayarnya mungkin untuk sepanjang hayat.

Dari segi moral dan jati diri pula, graduan bumiputera tidak menonjol sebagai intelektual yang dapat diharapkan untuk membela dan menjunjung

ketinggian serta kedaulatan agama, bangsa dan negara. Contohnya lihatlah korporat yang dikatakan berjaya membentuk golongan menengah bumiputera. Saya setuju agak keterlaluan jika ada pihak yang menyatakan mereka kelas kifar, tetapi sememangnya untuk mendukung amanah sebagai pejuang agama, bangsa dan negara adalah menghampakan.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu sudah sampai masanya Dasar Pendidikan Nasional per se juga dari segi pelaksanaan dan kesannya patut dibincangkan dan dikaji semula. Dan sebagai asas permulaan, saya mohon Dewan ini ditangguhkan untuk membincangkan perkara tertentu, kepentingan orang ramai dan hendaklah disegerakan. Sebelum saya mengakhiri saya ulangi dan saya tegaskan bahawa kita perlu mengatasi segala kepincangan ini kerana sejarah telah membuktikan tragedi 13 Mei tercetus kerana polarisasi pendidikan yang amat menyedihkan, seperti sekarang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Tumpat pada 18 Julai 1998 jam 12.40 tengahari. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat, hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat.

Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu adalah perkara yang tertentu.

Syarat yang kedua ia adalah bagi kepentingan orang ramai.

Syarat yang ketiga ialah ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara yang tertentu; ia adalah bagi kepentingan orang ramai. Namun demikian pada fikiran saya, perkara ini tidak perlu disegerakan. Apa yang dicadang

dibahaskan dalam usul ini adalah Dasar Pendidikan Nasional. Sebab-sebab yang diberi, ada pelajar bumiputera susah hendak memasuki kelas matrikulasi dan universiti. Juga berkenaan dengan kos tinggi IPTS yang tidak terbayar oleh golongan pelajar bumiputera.

Bagi pihak Kementerian Pendidikan pula, saya difahamkan oleh mereka, daripada 31,564 orang pelajar bumiputera aliran sains, seramai 22,314 orang ke program matrikulasi, diploma dan ijazah telah ditempatkan. Pelajar yang berjaya memasuki Universiti Teknologi Petronas, Universiti Telekom, Universiti Tenaga dan Politeknik, peratusan pelajar bumiputera telah meningkat 80%. Ini bermakna semua pelajar bumiputera aliran sains yang mendapat Pangkat Satu dan Dua telah disediakan tempat di IPT.

Kementerian Pendidikan juga telah menyediakan dana bagi menyelesaikan masalah pembiayaan pendidikan. RM101 juta telah diagih-agihkan kepada penuntut-penuntut bumiputera.

Jabatan Perkhidmatan Awam dan MARA juga telah menyediakan biasiswa. Kerajaan pula telah menambahkan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional untuk memperluaskan peluang kepada pelajar bumiputera. Semua perkara ini bukanlah boleh dibahas dengan secara tergotoh-gapah. Ia berkehendakkan masa yang panjang untuk menjelaskan segala kerumitannya dan kecacatan dalam Dasar Pelajaran Negara, jika ada.

Perkara yang sangat besar ini tidak boleh dibahaskan dalam satu jam seperti yang diperuntukkan di bawah Peraturan Mesyuarat 18 ini.

Oleh yang demikian, saya menolak Usul ini.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG FRANCAIS 1998

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran dan untuk mengawalselia Francais-Francais dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.46 ptg.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Datuk Leo Moggie Anak Irok]:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta untuk mengadakan peruntukan tentang dan pengawalselia industri komunikasi dan multimedia yang menjurus ke arah percantuman dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kita untuk menentukan pencapaian wawasan negara, kerajaan telah mengenal pasti beberapa perkara yang perlu diberi tumpuan.

Satu daripadanya ialah hakikat bahawa sektor-sektor komunikasi, teknologi maklumat dan multimedia harus dijadikan pemangkin yang akan menggerakkan pembangunan negara sebagai negara maju menjelang abad ke-21. Ke arah ini usaha-usaha tersusun dan terancang telah diambil untuk menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan sektor-sektor tersebut dan juga projek Koridor Raya Multimedia.

Justeru itu adalah penting instrumen-instrumen yang perlu diwujudkan bagi membolehkan sektor-sektor tersebut berkembang dengan baik. Ini termasuklah dengan memperkenalkan sistem perundangan terkini yang bersesuaian. Selaras dengan itu, kerajaan telah mempelopori dan memperkenalkan pembentukan beberapa akta Cyber khusus untuk memastikan pelancaran perkembangan sektor-sektor tersebut.

Pada hari ini saya mengemukakan dan membentangkan satu lagi akta Cyber iaitu Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia 1998 yang akan melonjakkan kemaraan Malaysia sebagai peneraju kepada perkembangan industri komunikasi dan multimedia di rantau ini.

Penggubalan rang undang-undang ini amat penting dilihat dari rangka fungsinya sebagai rang undang-undang yang akan mengintegrasikan semua aktiviti di bawah akta-akta Cyber yang lain. Ia merupakan perundangan yang tunggal, dengan izin, single legislation yang akan mempunyai impak yang positif dan meluas untuk menyokong usaha negara, untuk menjayakan pembangunan projek Koridor Raya Multimedia serta bagi mencapai matlamat-matlamat menjadikan Malaysia pusat komunikasi serantau dan mewujudkan masyarakat bermaklumat.

Kita juga harus berbangga kerana dengan penggubalan Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia 1998, Malaysia sekali lagi tampil sebagai negara pelopor dalam melaksanakan satu struktur dasar yang menyeluruh dalam menangani proses percantuman atau dengan izin, convergence yang berlaku dalam sektor-sektor telekomunikasi, komputer dan penyiaran.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, walaupun percantuman atau convergence ketiga-tiga sektor adalah asas kepada penggubalan rang undang-undang ini, ia lebih tepat dinamakan sebagai Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia 1998 sebagai menggambarkan industri dan aktiviti baru yang telah diwujudkan dari proses percantuman tersebut. Convergence hanyalah merupakan satu proses aliran teknologi yang menjurus kepada percantuman sektor-sektor tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, proses percantuman yang melibatkan ketiga-tiga sektor telekomunikasi, komputer dan penyiaran adalah merupakan satu fenomena global dan arus perkembangan masa kini. Dengan itu, kita harus mengambil langkah segera bagi menangani perkembangan dan kepentingannya dan membuat

persediaan untuk menjadikan sektor teknologi maklumat dan multimedia sebagai asas dan pemangkin kepada pembangunan ekonomi negara. Langkah-langkah yang pantas dan agresif diperlukan untuk membolehkan negara menyertai dan menerajui proses ini dan mendapat manfaat sepenuhnya daripada sektor yang diwujudkan akibat perkembangan teknologi. Perkembangan ke arah proses ini memerlukan disusun semula struktur dan instrumen dasar, institusi kawal selia, perundangan serta industri yang sedia ada. Ini adalah bagi memastikan Malaysia dapat mencapai taraf persaingan yang lebih kompetitif melalui usaha-usaha yang tersusun dan terancang bagi membangunkan pasaran komunikasi dan multimedia.

Bagi mencapai tujuan-tujuan tersebut, kerajaan memilih untuk bersikap proaktif, satu rangka kerja dasar dan kawal selia yang menyeluruh dan bersepadu perlu diwujudkan untuk menerajui dan menggerakkan pembangunan proses percantuman ketiga-tiga sektor berkenaan. Langkah ini akan menghapuskan jurang di antara dasar-dasar bersaing yang sedia ada yang tidak lagi bersesuaian untuk memenuhi keperluan sektor baru yang terbentuk.

Justeru itu, adalah perlu kita mengadakan perubahan kepada struktur ketiga-tiga sektor telekomunikasi, komputer dan penyiaran yang sedia ada. Secara khususnya, rangka kerja dasar baru ini adalah diperlukan untuk:

- (i) memastikan wujud ketelusan dan konsistensi dalam meningkatkan kefahaman di kalangan pihak-pihak berkepentingan mengenai percantuman teknologi serta usaha-usaha pembangunan sektor komunikasi dan multimedia negara;
- (ii) menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia sebagai asas penting kepada pembangunan ekonomi dan sosial negara. Pada usaha kita untuk mewujudkan masyarakat madani serta kepada usaha kita

untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat utama bagi industri komunikasi dan multimedia; dan

- (iii) bagi menjamin kepentingan-kepentingan tertentu seperti kepentingan pengguna dari segi kualiti dan kos perkhidmatan, bagi memastikan keselamatan sistem dan rangkaian dan bagi mewujudkan persaingan yang sihat serta pasaran yang lebih teratur.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menyokong matlamat rangka kerja dasar yang diwujudkan, suatu sistem kawal selia baru juga perlu dibentuk bersesuaian dengan kehendak-kehendak struktur pasaran percantuman rangka kerja kawal selia baru ini juga dibentuk sebegitu rupa untuk memastikan ianya adalah selari dengan kehendak protokol antarabangsa, berupaya mencapai objektif-objektif semasa dan selari dengan perkembangan teknologi yang amat pesat di masa ini.

Di dalam menggubal sistem kawal selia, kerajaan juga memberi penekanan yang utama kepada aspek kepentingan soal-soal obligasi perkhidmatan sejagat atau, dengan izin, universal service obligation. Kerajaan akan terus memastikan semua golongan masyarakat dan kawasan akan menerima perkhidmatan dan kemudahan berkualiti yang diperlukan untuk tujuan tersebut, sistem-sistem ganjaran atau insentif tertentu akan dikenal pasti untuk menentukan penguasa-penguasa perkhidmatan memenuhi tanggungjawab mereka.

Selain daripada itu, kerajaan juga akan terus memberi penekanan kepada aspek-aspek kecekapan pengurusan sumber ekonomi, kepentingan pengguna, mengelakkan nilai dan budaya negara serta perkara-perkara teknikal infrastruktur secara khusus untuk memastikan kecekapan industri penekanan akan terus

diberikan kepada usaha-usaha meningkatkan persaingan yang sihat, penggunaan infrastruktur secara berkesan dan penggalakan aktiviti-aktiviti bersilang.

Peranan dan kuasa pengguna akan juga dipertingkatkan dengan memperkenalkan dasar menetapkan harga adil dan tatacara mengendalikan soal-soal kepenggunaan yang berkesan, aspek keselamatan infrastruktur juga diberikan perhatian yang khusus untuk meningkatkan keyakinan pengguna terhadap perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan.

Kerajaan juga sedar tentang pentingnya dipertingkatkan hubungan dan ketelusan dalam penggunaan infrastruktur. Ini akan mempelbagaikan pilihan rangkaian yang boleh digunakan oleh pembekal dan pengguna. Untuk tujuan ini perbekalan-perbekalan tertentu diperuntukkan di dalam rangka kerja kawal selia baru untuk meliputi kemudahan laluan sama rata dan sambung tara atau dengan izin, equal access and interconnection yang berasaskan kepada kos dan pulangan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini sektor telekomunikasi dan penyiaran masing-masing dikawal selia melalui dua akta iaitu Akta Telekomunikasi 1950 dan Akta Penyiaran 1988. Sektor komputer pula tidak dikawal oleh suatu undang-undang yang khusus. Dengan berkuatkuasanya Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia 1998 yang dicadangkan ini, ia akan sekali gus memansuhkan kedua-dua akta tersebut. Rang Undang-undang ini akan berfungsi sebagai landasan perundangan baru bagi sektor-sektor tersebut.

Melalui rang undang-undang ini peruntukan khas telah disediakan untuk mengendalikan proses peralihan dan perpindahan atau dengan izin, transaction and migration dari regim kawal selia di bawah undang-undang sedia ada kepada regim

kawal selia di bawah akta yang baru. Kerajaan juga memastikan bahawa rang undang-undang ini adalah berbentuk generic atau umum, dengan izin, the act seeks to provide a generic set of regulatory provisions based on generic definitions of market and service activities and services, supaya skopnya lebih meluas dan berpanjangan dari segi pemakaiannya tanpa perlu dibuat pindaan setiap kali berlaku perubahan teknologi. Hanya dalam keadaan-keadaan tertentu sahaja, peruntukan secara khusus telah diwujudkan bagi menangani isu-isu tertentu. Contohnya, kawal seliaan persaingan serta pengendali yang dominan dalam pasaran, dalam jangka panjang. Pemakaian rangka kerja kawal selia akan berubah ke arah ciri-ciri yang bersifat global dan tidak akan menjurus kepada sektor-sektor tertentu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa prinsip utama telah diambil kira dalam menyediakan rang undang-undang baru ini. Antaranya ialah mengurangkan peraturan-peraturan yang mengongkong dengan mewujudkan keanjalan atau flexibility di dalam proses membuat keputusan supaya industri komunikasi dan multimedia yang wujud adalah yang berdisiplin sendiri atau dengan izin, industry self-discipline. Prinsip-prinsip tersebut juga akan dapat membentuk sektor yang berorientasikan pasaran dan yang berkembang berasaskan persaingan yang sihat. Apa yang penting ialah untuk mendorong pembentukan industri komunikasi dan multimedia yang dapat berkembang dengan aktif dan dinamik dan mempunyai ruang untuk bergerak secara teratur tanpa dikongkong oleh pelbagai peraturan yang boleh membantut pertumbuhannya.

Dari segi skopnya pula, Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia 1998 akan hanya meliputi sektor komunikasi dan multimedia berangkaian ataupun elektronik sahaja dan tidak meliputi media cetak. Ia juga tidak akan menjejaskan pemakaian secara umum undang-undang sedia ada berkaitan dengan keselamatan, hak cipta, fitnah dan kandungan atau dengan izin, content yang menyalahi undang-undang. Melalui rang undang-undang ini juga adalah dicadangkan satu badan kawal selia tunggal dengan kuasa autonomi dari segi kewangan dan pengurusan yang ditubuhkan untuk melaksanakan rangka kerja kawal selia yang dicadangkan dengan berkesan dan cekap sesuai dengan kehendak-kehendak semasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)
mempengerusikan Mesyuarat]

Saya juga ingin mengutarakan di Dewan yang mulia ini, beberapa peruntukan penting yang merupakan perubahan-perubahan dasar utama yang diliputi di dalam Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia 1998.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, selaras dengan dasar ketelusan dan kejelasan kerajaan dan juga bagi menggalak persaingan yang sihat dalam industri percantuman ini, pembentukan satu Tribunal Rayuan telah diperuntukkan di dalam rang undang-undang ini. Tribunal Rayuan ini adalah merupakan sebuah badan pakar yang hanya bersidang secara *ad hoc* apabila diperlukan bagi menyemak sebarang rayuan berkaitan keputusan oleh badan kawal selia yang dikemukakan kepadanya. Dipengerusikan oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi, Tribunal Rayuan ini akan mempunyai sekurang-kurangnya dua

orang ahli lain yang mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang tertentu yang berkaitan.

Dari aspek pelesenan, bagi membolehkan fleksibiliti dalam regim pelesenan, rang undang-undang ini memperuntukkan pemberian lesen kepada dua jenis yang khusus iaitu lesen individu dan lesen kelas. Ini dirancang sebegitu rupa berasaskan kepada kehendak pelesenan yang dijangka akan berubah selaras dengan perubahan dan perkembangan yang berlaku di dalam sektor komunikasi dan multimedia.

Perlindungan pengguna adalah merupakan satu lagi peruntukan penting yang diwujudkan di bawah Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia 1998. Perbekalan ini membolehkan satu rangka kerja diwujudkan bagi perlindungan kepentingan pengguna di mana badan kawal selia boleh melantik forum pengguna yang akan bertanggungjawab menyediakan kod pengguna, yang perlu dipatuhi oleh semua pembekal kemudahan dan perkhidmatan. Forum pengguna ini juga akan berfungsi menyelesaikan pertikaian yang timbul di antara pihak pengguna dan pembekal.

Selain daripada itu, rangka kerja tersebut juga akan membolehkan badan kawal selia mewajibkan pembekal menyediakan perkhidmatan wajib seperti perkhidmatan kecemasan, bantuan operator serta perkhidmatan untuk orang kurang upaya di samping menyediakan perkhidmatan bagi sesuatu kawasan melalui regim perkhidmatan sejagat.

Tiga lagi rangka kerja penting yang diliputi di bawah rang undang-undang ini adalah merujuk kepada peraturan-peraturan ekonomi, teknikal dan sosial.

Melalui rangka kerja peraturan ekonomi dan teknikal yang diwujudkan, kerajaan akan meneruskan usaha-usahanya untuk menggalakkan persaingan, pelaburan dan perkembangan pasaran pengguna di samping meningkatkan inovasi dalam industri komunikasi dan multimedia negara.

Perkara-perkara yang diliputi di bawah peraturan ekonomi termasuklah pelesenan para peserta bagi pasaran kemudahan rangkaian, perkhidmatan rangkaian dan aplikasi serta peraturan-peraturan persaingan. Salah satu perkara penting di bawah peraturan teknikal yang diwujudkan ialah menggalakkan persaingan dari segi interoperability rangkaian, dengan izin, pembahagian sumber terutama spectrum radio serta keselamatan dan kebolehpercayaan rangkaian dan perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sama sekali tidak akan mengabaikan kepentingan rakyat di dalam menyokong pertumbuhan sektor baru komunikasi dan multimedia. Usaha ke arah memperkaya dan mempertahankan nilai budaya dan sosial negara terus diberi keutamaan oleh kerajaan di bawah Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia 1998 ini. Melalui peraturan-peraturan sosial yang diperuntukkan, satu rangka kerja kawal selia bagi perkhidmatan aplikasi kandungan atau dengan izin, content diwujudkan di bawah rang undang-undang ini bagi menggalakkan pembangunan kandungan yang akan terus memartabatkan nilai-nilai kebudayaan Malaysia. Ini termasuklah mewujudkan regim pelesenan bagi perkhidmatan aplikasi kandungan serta mengadakan keperluan-keperluan yang akan memastikan aplikasi kandungan tidak mengandungi unsur-unsur lucah,

palsu dan sebagainya. Untuk tujuan ini, satu forum industri akan dilantik untuk bertanggungjawab menyediakan kod kandungan yang perlu.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam menggubal Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia 1998, kerajaan telah melakukan perincian yang mendalam dan teliti bagi memastikan rang undang-undang ini akan dapat menjadi penggerak kepada proses peralihan daripada regim regulatory pada masa sekarang kepada regim yang baru serta sebagai landasan kepada perkembangan sektor baru komunikasi dan multimedia ini secara yang tersusun, telus dan konsisten.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [[Dato' Dr. Ting Chew Peh]:] Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan tentang dan mengawal selia industri komunikasi dan multimedia yang menjurus ke arah percantuman dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Parit Sulong.

4.08 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Yang di-Pertua, syukur alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan kurniaNya jua maka Kerajaan Malaysia berjaya

menggubal satu undang-undang yang komprehensif mengenai komunikasi dan multimedia.

Saya kalungkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi, Kerajaan Malaysia serta Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos kerana Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 ini adalah satu-satunya undang-undang mengenai industri komunikasi dan multimedia yang integrated yang pertama kali pernah digubal di dunia ini. Sesungguhnya, inilah sebahagian daripada hasil kesungguhan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sentiasa memberikan visi yang jelas dan kepimpinan politik yang konsisten dan tegas untuk mencemerlangkan negara bangsa Malaysia mutakhir.

Saya pasti kejayaan Kerajaan Malaysia di dalam melaksanakan undang-undang ini kelak akan membuktikan kepada masyarakat antarabangsa bahawa negara ini sememangnya mempunyai capability yang istimewa untuk membangunkan industri teknologi maklumat dan multimedia secara serius, secara terancang dan menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya komuniti maklumat Malaysia dan antarabangsa telah lama menunggu kelahiran akta ini, khususnya setelah Parlimen meluluskan beberapa undang-undang cyber pada tahun lalu. Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 ini juga amat dinanti-nantikan, menjadi lebih relevan dan sungguh mendesak kehadirannya berikutan pembentukan Koridor Raya Multimedia yang kini sedang menjelmakan dirinya sebagai 'regional hub' kepada industri teknologi maklumat dan multimedia seluruhnya.

Pendek kata, akta ini memang sangat penting untuk memastikan supaya segala keperluan 'regulatory' mengenai pembangunan serta operari Koridor Raya Multimedia dapat dilaksanakan dengan sempurna. Pada waktu yang sama, akta ini juga jadi pemangkin atau catalyst kepada pembangunan pelbagai perkhidmatan multimedia serta lain-lain industri yang lahir dari percantuman teknologi di negara ini. Moga-moga segala ciri-ciri fleksibel dan fasilitatif yang terkandung di dalam akta ini akan mempercepatkan lagi proses transformasi ekonomi Malaysia yang berasaskan industri kepada sebuah ekonomi yang berasaskan maklumat di alaf mendatang.

Tuan Yang di-Pertua, dunia hari ini sedang melalui proses perubahan dan pembaharuan yang amat pesat dan pantas. Hakikat ini menjadi kenyataan kerana percantuman teknologi telekomunikasi, komputer dan multimedia yang pesat di serata tempat. Sebab itulah dunia menjadi kampung jagat dan teks, data suara dan gambar pun tersebar luas dan pantas merentasi batas-batas geopolitik, secara interaktif dan mengikut detik 'real time'. Sebab itulah juga maka maklumat dan ilmu menjadi faktor terpenting di dalam menentukan kesejahteraan ummah di abad mendatang.

Percantuman teknologi ini pula, memungkinkan kelahiran pelbagai rangkaian nilai baru yang menjadi peluang perniagaan dan memunculkan industri baru yang menghasilkan perolehan yang amat besar. Contohnya, satu kajian yang dilaksanakan oleh Kesatuan Eropah mendapati bahawa pendapatan kasar dunia dari industri yang membabitkan percantuman teknologi pada tahun 1996 adalah sejumlah ECU200 ribu bilion dengan ECU500 bilion di seluruh Eropah sendiri. Kajian UNDP pula menyatakan bahawa sektor maklumat dan telekomunikasi di

seluruh jagat kini sedang berkembang dua kali ganda lebih pesat dari kadar pertumbuhan ekonomi dunia seluruhnya. Kajian tersebut juga menyatakan bahawa maklumat dan ilmu kini menjadi faktor terpenting di dalam pembangunan manusia, di dalam menentukan proses pengeluaran, di dalam memastikan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara dan di dalam mencorakkan bentuk pekerjaan di masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, di antara aktiviti ekonomi dan aplikasi yang tercetus dari percantuman teknologi semasa adalah seperti yang telah kita ketahui contohnya, kerajaan elektronik, perniagaan elektronik, warkah elektronik, warkah suara (voice-mail), perpustakaan elektronik, akhbar elektronik, pemasaran melalui Internet (Internet-based marketing), kampus maya (virtual campus), perbankan cyber, teleperubatan, sekolah bestari, membeli-belah secara digital (digital shopping), perkhidmatan pendidikan menerusi on-line (on-line educational services). Selain dari peluang perniagaan, aplikasi dan industri seperti di atas, percantuman teknologi juga memunculkan pelbagai jenis aktiviti ekonomi yang baru seperti pembekalan akses (access provider), penggembleng sistem (system integrator), pembekal rangkaian, pembekal perkhidmatan, pereka perisian, pembekal perisian dan lain-lain.

Seluruh aktiviti ini pula pastinya mewujudkan tumpahan ekonomi yang mendorong kemunculan sektor perniagaan kecil dan sederhana dalam bidang pemborongan, pembekalan serta peruncitan hardware, software dan aksesori multimedia serta perniagaan dalam bentuk vendor dan francais peralatan

multimedia. Beberapa jenis perkhidmatan kecil dan sederhana serta beberapa jenis pekerjaan baru berkaitan multimedia juga turut diwujudkan oleh percantuman teknologi yang sentiasa menerokai pelbagai penemuan baru dari masa ke semasa.

Berdasarkan perkembangan pesat ini, majoriti komuniti dunia pun dituntut mempunyai keutamaan baru, perspektif hidup yang baru, sikap baru, pandangan baru, pemikiran baru, sistem kehidupan baru, amalan perniagaan baru, jenis industri baru, corak perniagaan baru dan jenis modal yang baru. Pendek kata, segala-galanya mesti baru. Sebab itulah majoriti masyarakat dunia kini terpaksa melalui proses perubahan struktural di bidang sosio-ekonomi dan juga politik. Dengan lain-lain perkataan, majoriti komuniti dunia kini sedang melalui proses anjakan paradigma dalam semua aspek kehidupan harian masing-masing supaya segala-galanya menjadi 'information-oriented', 'knowledge based' dan 'market driven'. Masyarakat dunia seperti inilah yang kita kategorikan sebagai masyarakat maklumat.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia tidak mahu ketinggalan di dalam usaha menuai manfaat dari percantuman teknologi ini. Sebab itulah Kerajaan Malaysia menjalankan kajian menyeluruh ke atas segala cabaran yang wujud dari percantuman teknologi dalam konteks dasar infrastruktur dan mekanisme. Hakikat ini jelas termaktub di dalam Agenda Teknologi Maklumat Kebangsaan yang menyatakan bahawa Malaysia wajarlah mengiktiraf, memahami serta memberi respons secara proaktif kepada gelombang ketiga di dalam revolusi mutakhir teknologi maklumat kerana pelbagai aplikasi maklumat dan ilmu akan menjadi asas kepada peningkatan mutu kerja dan hidup di hari-hari mendatang. Sebab

itulah kerajaan mewujudkan pelbagai mekanisme untuk mendorong kelahiran masyarakat maklumat Malaysia. Di antara mekanisme tersebut ialah Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan, Majlis Teknologi Maklumat Negeri, Agenda Teknologi Maklumat Kebangsaan, Dasar Telekomunikasi Kebangsaan, Pelan Induk Telekomunikasi Malaysia, Perbadanan Pembangunan Multimedia dan juga Koridor Raya Multimedia. Seluruh mekanisme ini diwujudkan secara terancang dan untuk menjayakan pembangunan industri teknologi maklumat dan multimedia secara berperingkat-peringkat, mulai beberapa tahun lalu hinggalah ke tahun 2005.

Berdasarkan kesedaran melahirkan Masyarakat Maklumat Malaysia, secara terancang maka Koridor Raya Multimedia telah memperkenalkan tujuh aplikasi multimedia dalam bidang kerajaan elektronik, teleperubatan, sekolah bestari, Clusters Research and Development, dengan izin, Web Manufacturing Sejagat, Kad Serbaguna dan Pemasaran Tanpa Sempadan. Justeru itu, Koridor Raya Multimedia pasti akan menjadi sebuah pangkalan operasi beberapa syarikat gergasi Malaysia dan asing yang akan menghasilkan pelbagai jenis barangan serta perkhidmatan multimedia. Koridor Raya Multimedia juga sedang memupuk perkembangan syarikat-syarikat kecil dan sederhana tempatan supaya mereka dapat memaksimumkan potensi masing-masing di dalam mengeluarkan produk multimedia yang bertaraf dunia di suatu hari kelak.

Setakat ini, saya diberitahu bahawa 147 syarikat telah pun menerima status MSC masing-masing dari Perbadanan Pembangunan Multimedia. Lebih 50% dari jumlah ini adalah syarikat tempatan. Untuk memangkin syarikat-syarikat tempatan yang inovatif dan berpotensi besar supaya menjadi syarikat-syarikat bertaraf dunia,

Perbadanan Pembangunan Multimedia telah pun menubuhkan apa yang dikenali sebagai MDC Access. Badan ini ditubuhkan untuk menjadi pusat yang menyediakan khidmat rundingan dan sokongan khusus kepada syarikat-syarikat tempatan yang berminat menyertai dan berkembang di dalam arena multimedia. Secara khususnya, MDC Access menyediakan khidmat seperti program perkongsian bestari, rujuk hubung (linkages) dan peluang perniagaan, pangkalan data yang menyeluruh mengenai syarikat-syarikat teknologi maklumat dan multimedia tempatan dan luar negeri, hubungan kepada sumber kewangan dan juga khidmat berkenaan teknologi dan cara-cara untuk mendapatkan status MSC.

Tuan Yang di-Pertua, segala mekanisme yang telah diwujudkan oleh kerajaan untuk memesatkan kemajuan industri teknologi maklumat dan multimedia seperti yang saya huraikan di atas memang amat membanggakan. Terutama sekali dalam aspek Koridor Raya Multimedia dan tujuh aplikasinya, Perbadanan Pembangunan Multimedia dan usahanya memupuk potensi syarikat teknologi maklumat tempatan yang telah mendapat status MSC supaya menjadi 'world players', di suatu hari kelak, penggubalan undang-undang cyber termasuklah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang sedang kita bahaskan pada hari ini dan juga blueprint Agenda Teknologi Maklumat Kebangsaan yang berhasrat 'turning ripples into tidal waves' ataupun menukarkan badai kepada gelora.

Bagaimanapun, walaupun seluruh rakyat jelata Malaysia memang sewajarnya berbangga dengan apa yang telah dilaksanakan oleh kerajaan di dalam konteks pembangunan industri teknologi maklumat dan multimedia hingga ke hari ini, adalah sangat-sangat dirasai bahawa banyak lagi aspek pembelaan dalam

bentuk dasar yang jelas, strategi yang rapi dan program yang komprehensif perlu digubal dan dilaksanakan segera demi kepentingan bumiputera di masa yang akan datang. Aspek bumiputera ini saya dapati penting diberi perspektif dan penelitian serius dan segera supaya ledakan kemajuan teknologi maklumat dan multimedia tidak akan menyebabkan majoriti bumiputera umumnya menjadi golongan yang miskin maklumat, menjadi golongan yang terpinggir dan menjadi golongan yang tidak lagi mempunyai status definitive dalam konteks kekuasaan negara seluruhnya di masa akan datang.

Berikut adalah di antara beberapa perkara pokok mengenai kemajuan teknologi maklumat dan multimedia yang perlu diberi pertimbangan segera demi kepentingan bumiputera dan juga rakyat di kawasan pedalaman. Perkara-perkara ini memerlukan inisiatif dasar, inisiatif strategi dan program yang jelas, tegas dan segera dari pihak kerajaan dan agensi-agensinya.

Tuan Yang di-Pertua, sebuah kajian oleh UNDP menyatakan bahawa kapasiti untuk manusia berhubung antara satu sama lain tidak lama lagi akan ditakrifkan sebagai faktor utama hak asasi manusia. Pandangan ini selaras dengan cita-cita Kerajaan Malaysia di mana Agenda Teknologi Maklumat Kebangsaan menegaskan bahawa setiap rumah atau premis mestilah disambungkan kepada network atau rangkaian multimedia. Sebab itulah Kerajaan Malaysia mempunyai Dasar Telekomunikasi Kebangsaan dan juga Pelan Induk Telekomunikasi Malaysia.

Tetapi adakah dasar dan pelan induk ini memberikan urgency, dengan izin, kepada usaha-usaha pembekalan telefon di luar bandar dan kawasan pedalaman?

Jika memang terdapat urgency dalam konteks ini, bilakah tarikh terakhir supaya seluruh pelosok tanah air kita ini menerima bekalan telefon. Begitu juga dengan pembekalan tenaga elektrik. Urgency yang sama perlu dilaksanakan secara saksama.

Saya membangkitkan soal-soal pembekalan telefon dan elektrik luar bandar dan di kawasan pedalaman di seluruh negara ini kerana kedua-dua kemudahan ini amat penting di dalam memastikan bahawa tidak lama lagi rakyat kampung dan pedalaman juga boleh mendapat akses ke Internet untuk menimba ilmu pengetahuan dan juga untuk menggunakan beberapa perkhidmatan seperti saya tegaskan tadi seperti kerajaan elektronik, teleperubatan, sekolah bestari, virtual universiti, tuisyen online, teleshopping dan sebagainya. Hakikat ini akan menjadikan mutu hidup meningkat dan kesejahteraan rakyat Malaysia adalah realiti yang sebenar-benarnya.

Tuan Yang di-Pertua, berkait dengan usaha membekalkan telefon ke luar bandar dan pedalaman ini, memang Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 memuktubkan soal Obligasi Sosial Sejangat. Secara khusus, akta ini menekankan di dalam Fasal 202(1) bahawa menteri boleh mengarahkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia supaya menentukan suatu sistem untuk menggalakkan adanya dan penggunaan secara meluas perkhidmatan rangkaian dan/ataupun perkhidmatan aplikasi di seluruh Malaysia. Usaha ini dijangka dilaksanakan menerusi penggalakan pemasangan kemudahan rangkaian dan penyediaan perkhidmatan rangkaian dan/atau perkhidmatan aplikasi dalam kawasan yang kurang liputan

perkhidmatan atau bagi kumpulan yang kurang diberi perkhidmatan di dalam masyarakat.

Inilah komitmen Obligasi Sosial Sejagat (OSS) yang terkandung di dalam akta ini. Menurut Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos kepada kami baru-baru ini: "Program ini amat penting untuk menyediakan akses kepada perkhidmatan-perkhidmatan yang berpatutan kepada masyarakat yang kurang bernasib baik, golongan berpendapatan rendah dan masyarakat di kawasan yang kurang viable ekonominya."

Menurut akta ini, Obligasi Sosial Sejagat dijangka dilaksanakan dengan bantuan sumbangan kewangan dari pelbagai pembekal servis yang akan diuruskan menerusi Dana Obligasi Sosial Sejagat. Saya gembira kerana penyertaan dalam Dana Obligasi Sosial Sejagat ini adalah mandatori kepada pelbagai jenis pembekal servis. Namun begitu, saya harap komitmen Obligasi Sosial Sejagat ini dapat diberi iltizam politik (political will) serta iltizam kepimpinan yang jelas, teguh dan segera. Janganlah komitmen ini yang termaktub dalam akta ini akan hanya menjadi usaha menanam tebu di bibir atau hanya indah khabar daripada rupa!

Tuan Yang di-Pertua, aspek kedua yang saya rasa perlu dititikberatkan dalam konteks pembangunan industri maklumat dan multimedia di kalangan bumiputera ialah literasi komputer ataupun celik komputer. Hakikat literasi komputer ini penting kerana literasi komputerlah yang menjadi kunci utama bagi seseorang individu menerokai alam teknologi maklumat dan multimedia biar pun individu tersebut hanya mahu menjadikan teknologi maklumat sebagai perkakas

hidup, sebagai asas profesionalisme atau sebagai asas perniagaan dan keusahawanan.

Dalam hal ini, kerajaan menegaskan bahawa strategi utama untuk membangunkan industri teknologi maklumat dan multimedia di negara ini adalah menerusi strategi pembekalan literasi komputer secara asas kepada majoriti rakyat jelata Malaysia. Dasar Teknologi Maklumat Kebangsaan dan strategi ini memang relevan dan tepat. Tetapi, adakah soal penyediaan literasi komputer ini hanya dibiarkan berkembang mengikut desakan kuasa pasaran dan kuasa ekonomi atau usaha peningkatan tahap literasi komputer ini perlu dilaksanakan secara terancang, secara komprehensif dan diberi dokongan dasar yang jelas, program yang segera dan iltizam politik yang tegas.

Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan hakikat ini kerana sekiranya strategi literasi komputer ini hanya dibiarkan terlaksana atas desakan pasaran atau atas desakan kuasa ekonomi, saya amat bimbang bahawa majoriti masyarakat bumiputera tidak akan mampu mempunyai tahap literasi komputer yang tinggi. Jika hakikat ini terjadi, maka bumiputera pastinya akan menjadi golongan majoriti yang dipinggirkan oleh perkembangan teknologi maklumat dan multimedia di negara mereka sendiri. Jika realiti ini terjadi, maka bumiputeralah yang akan menjadi kelompok kemiskinan maklumat dan ilmu yang sekali gus menjadi orang yang tidak langsung boleh menguasai modal intelektual (*intellectual capital*) di masa yang akan datang. Jika ini menjadi realiti, saya amat khuatir bahawa kaum bumiputera akan kehilangan kuasa definitive, sekali lagi saya jelaskan, kuasa

definitive di negara tercinta ini. Jika segala-galanya menjadi realiti, amat parahlah nasib bumiputera di era maklumat kelak.

Oleh itu, saya merayu semoga usaha meningkatkan tahap literasi komputer di kalangan bumiputera ini diberikan inisiatif dasar, strategi dan program oleh pihak kerajaan mulai sekarang. Blueprint literasi komputer untuk bumiputera hendaklah digubal untuk pelaksanaannya yang menyeluruh oleh pelbagai agensi pembangunan generasi dan oleh pelbagai agensi yang bertanggungjawab melaksanakan agenda serta cita-cita bumiputera di negara ini.

Usahawan kecil dan sederhana bumiputera yang berhasrat menceburi industri pembekalan literasi komputer kepada masyarakat bumiputera perlulah diberi dorongan dasar sekali lagi, nasihat, bimbingan dan modal yang sewajarnya. Mudah-mudahan usaha sebegini akan merebakluaskan literasi komputer di kalangan bumiputera dan seluruh rakyat jelata dengan pantas dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi aspek penting di dalam pembangunan teknologi maklumat dan multimedia di negara ini ialah soal pembangunan sumber manusia di peringkat tinggi, peringkat menengah dan rendah untuk memenuhi kehendak industri dan Masyarakat Maklumat Malaysia. Agenda Teknologi Maklumat Kebangsaan menegaskan bahawa program-program kemahiran untuk knowledge intensification, dengan izin, atau pengukuhan ilmu perlu dilaksanakan segera.

Sekali lagi saya bertanya, adakah proses 'knowledge intensification' ini akan hanya dilakukan secara *ad hoc*, semata-mata atas kehendak 'market forces' atau wajar dilaksanakan menerusi dasar bersepadu lagi menyeluruh? Saya timbulkan

pertanyaan ini kerana saya bimbang proses 'knowledge intensification' yang *ad hoc* dan atas dorongan pasaran semata-mata pastinya akan mengecewakan bumiputera.

Atas kesedaran ini saya mencadangkan semoga kerajaan segera mewujudkan dasar dan strategi penyediaan tenaga mahir yang diperlukan oleh industri teknologi maklumat dan multimedia. Usaha ini hendaklah merangkumi peringkat tinggi, menengah dan rendah sebagaimana yang saya jelaskan tadi. Ertinya, ia hendaklah meliputi tenaga mahir peringkat universiti, kolej dan vokasional. Agensi-agensi kerajaan perlu didesak mewujudkan agenda bumiputera dalam konteks ini. Jika tidak, sekali lagi bumiputera akan ketinggalan di dalam proses pekerjaan di era cyber.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang ditegaskan oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos baru-baru ini, pembangunan industri komunikasi dan multimedia adalah penting untuk menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan sosial negara. Usaha ini juga selaras dengan usaha mewujudkan Masyarakat Maklumat Malaysia.

Sejak Koridor Raya Multimedia ditubuhkan beberapa tahun lalu dan sejak kelahiran Perbadanan Pembangunan Multimedia untuk menguruskan projek Koridor Raya Multimedia, kita dapati bahawa syarikat-syarikat teknologi maklumat dan multimedia berkembang pesat di negara ini. Satu aspek jelas mengenai perkembangan ini adalah bahawa syarikat-syarikat terbabit hanya wujud atas dorongan pasaran, sekali lagi atas market forces. Satu lagi aspek penting yang ketara ialah bahawa penyertaan bumiputera adalah juga secara market forces, tidak mempunyai satu design dan perancangan yang tersusun.

Dalam konteks ini Koridor Raya Multimedia mempunyai Perbadanan Pembangunan Multimedia untuk menjaga conscience bumiputera, biar pun hanya secara tersirat. Ini terbukti dengan kewujudan, sekali lagi saya jelaskan MDC Access sebagaimana yang telah saya huraikan di awal-awal ucapan saya. Kita juga mempunyai MIMOS yang amat prihatin dan komited dengan industri maklumat dan multimedia di negara ini. Kehadiran Perbadanan Pembangunan Multimedia, MDC Access dan MIMOS pastinya dapat memastikan bahawa penyertaan syarikat bumiputera di dalam Koridor Raya Multimedia adalah saksama dan adil. Tetapi bagaimanakah nasib penyertaan syarikat-syarikat bumiputera dalam pelbagai bidang yang terkeluar dari zon Koridor Raya Multimedia dan di seluruh negara? Saya dapati wujud satu vacuum atau kelompong di dalam aspek ini. Saya juga dapati bahawa sehingga hari ini belum wujud satu inisiatif dasar yang jelas untuk membantu bumiputera di dalam industri maklumat dan multimedia secara menyeluruh.

Oleh itu, saya mencadangkan semoga kerajaan menggubal dasar khusus mengenai hal ini supaya agensi-agensi yang bertanggungjawab terhadap pembangunan usahawan bumiputera mendapat kerangka dasar yang jelas. Moga-moga dasar ini akan memunculkan kebangkitan usahawan maklumat dan multimedia bumiputera secara terancang dan berkesan. Pada waktu yang sama, agensi-agensi bumiputera juga perlu digalakkan memberi khidmat nasihat, bimbingan dan modal untuk membangkitkan usahawan maklumat dan multimedia bumiputera secara perkasa dan bermaruah.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam pembangunan teknologi maklumat dan multimedia, Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan memang telah dan sedang

memainkan peranan yang amat penting. Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan ini pula digandungi oleh Majlis Teknologi Maklumat Negeri. Satu dari objektif utama Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan dan Majlis Teknologi Maklumat Negeri adalah memupuk pembangunan dan penggunaan teknologi maklumat di seluruh negara. Objektif keduanya adalah mewujudkan mekanisme penggubalan dan pelaksanaan dasar teknologi maklumat selaras dengan hasrat Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan. Majlis ini juga bertujuan mewujudkan mekanisme maklum balas (feedback) untuk mentaksir (evaluate) dan mengkaji (review) segala strategi pelaksanaan dan dasar teknologi maklumat di peringkat negeri dan pusat. Seterusnya, Majlis ini berfungsi untuk memantau impak segala program teknologi maklumat ke atas masyarakat dan kerajaan, ke atas sektor perniagaan dan sektor sukarela.

Seluruh objektif di atas adalah relevan dan tepat tetapi adakah objektif di atas dilaksanakan secara konsisten, secara tuntas dan rinci di semua peringkat? Hari ini kita masih lagi merasai kekosongannya dan kita masih lagi merasai ketidakhadiran dasar-dasar ini. Oleh itu, saya mencadangkan semoga seluruh objektif di atas diberi pengertian dalam bentuk program dan keprihatinan yang serius. Moda-moga usaha sebegini akan membolehkan rakyat jelata, khususnya bumiputera, beroleh keadilan dan kesaksamaan di dalam era teknologi maklumat.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap kerajaan akan mempercepatkan usaha menggubal dasar-dasar yang saya cadangkan seperti di atas. Pada waktu yang sama, dasar-dasar yang saya cadangkan hendaklah dirangkumkan ke dalam

Rancangan Malaysia Kelapan dan juga digemblengkan ke dalam Pelan Tindakan Perspektif (Outline Perspective Plan) Ketiga mulai tahun 2000.

Saya menyuarakan hakikat ini kerana kewujudan beberapa rangka kerja dasar yang membabitkan sektor komunikasi dan multimedia adalah penting. Hakikat ini jadi lebih penting di Malaysia apatah lagi bila kita mempunyai majoriti bumiputera yang masih lagi dahagakan pembelaan kerajaan untuk menjamin survival mereka masing-masing di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Bintulu.

4.38 ptg.

Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Multimedia masih merupakan satu perkara baru bagi ramai rakyat Sarawak. Walaupun kerajaan mempunyai rancangan tersendiri untuk mewujudkan Koridor Raya Multimedia di Sarawak dan banyak sekolah dalam kawasan bandar yang mempunyai kemudahan dan akses kepada pendidikan komputer. Tetapi kebanyakan rakyat Sarawak masih cetek pengetahuan mereka mengenai multimedia dan teknologi maklumat dan mereka masih mentah dengan era maklumat.

Jika keadaan ini berterusan maka jurang antara masyarakat yang kaya maklumat dengan golongan masyarakat yang kurang maklumat semakin membesar dan ini tidak sahaja berlaku di Sarawak tetapi juga antara Semenanjung dan kedua-dua buah negeri di timur Malaysia.

Rakyat Sarawak dan Sabah akan tercicir dari arus utama era maklumat melainkan kerajaan kita sedia komited sepenuhnya untuk membangunkan multimedia ke seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak dengan menyediakan infrastruktur asas, komunikasi dan multimedia secukupnya. Kerajaan selalu merungut tentang betapa luasnya kawasan tanah di Sabah dan Sarawak dan bagaimana sukarnya untuk menarik talian elektrik ke kawasan luar bandar dan oleh kerana pendawaian elektrik begitu sukar disediakan di Sarawak, saya musykil bagaimana dan bilakah kawasan luar bandar boleh dihubungi dengan talian telefon. Tanpa kedua-dua talian elektrik dan telefon ini bagaimana kita boleh bercakap mengenai multimedia dan teknologi maklumat?

Sarawak bukanlah sebesar mana, ia lebih kurang luas Florida di Amerika Syarikat sahaja, ini hanya kawasan yang tertinggal kebelakangan, ketiadaan jalan masuk yang menjadikan tempat ini kelihatan besar, tetapi jika kita menimbang kekayaan sumber asli seperti kayu-kayan, gas dan minyak serta juga bahan galian yang lain di Sarawak, tidak ada sebab selepas 35 tahun merdeka di bawah Malaysia, kedua-dua negeri di timur Malaysia ini masih terus serba kekurangan selama ini dari segi perhubungan raya seperti pengangkutan darat, sungai dan udara. Kemudahan pendidikan elektrik, bekalan air dan sekarang sistem telekomunikasi.

Kita tahu terdapat usaha promosi besar-besaran teknologi maklumat pada dua tahun lalu apabila ia mula diperkenalkan. Di sana sini terdapat forum dan seminar dianjurkan oleh MIMOS dan rancangan memperkenalkan Koridor Raya Multimedia dan sebagainya. Terdapat juga pameran dan sebagainya yang

diadakan di PWTC. Promosi besar-besaran ini telah menarik minat banyak pihak dari sektor awam dan swasta.

Saya menyaksikan begitu ramai rakyat di Semenanjung tidak kira umur yang menyertai dan menyaksikan pameran teknologi maklumat. Pada tahun lalu saya pernah terserempak dengan Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat kita Yang Berhormat Tun Mohamed Zahir di sebuah kedai pameran di tingkat 1 sedang berbincang dengan jurujual di situ di Plaza Imbi. Kehangatan promosi ini telah menarik ramai penduduk Semenanjung dan ini tidak hanya berhenti setakat ini sahaja, ia patut diteruskan di kedua negeri timur Malaysia, di Sabah dan Sarawak.

Teknologi maklumat dan komputer nampaknya begitu dikenali oleh ramai golongan berada dan masyarakat kelas menengah di negara kita kerana tidak semua orang mampu membelinya. Pada masa ini sebuah komputer dan peralatan canggih bernilai RM4,000 ke RM5,000 dan inilah sebab, bukan semua orang mampu membelinya. Kita perlu mencari jalan dan cara supaya harga boleh diturunkan dan mampu dibeli oleh ramai orang dalam lingkungan lebih kurang RM1,000.

Saya sebenarnya tidak nampak bagi satu monitor atau beberapa chips dan card dengan casing logam menjadi begitu mahal atau dakwat cetak yang dijual lebih kurang RM100 sedangkan ia mudah diisi dengan dakwat fountain pen. Kos yang tinggi hendaklah dielakkan supaya golongan miskin berpeluang mendapat kemudahan teknologi maklumat.

Saya ingin menyebut di sini bahawa industri komputer kita perlu meningkatkan khidmat selepas jualan. Kadangkala ia begitu mengecewakan apabila komputer mengalami kerosakan dan membawanya ke kedai pengedar

untuk dibaiki tetapi kita tidak tahu sebenarnya apa yang silap tetapi kita hanya tahu poket kita kosonglah kerana membayar kos membaiki. Terdapat kekurangan besar dalam bilangan juruteknik komputer dan saya mendapati permintaan semakin bertambah dan mendesak untuk mengajar dan memberi perkhidmatan komputer.

Pada bulan lalu apabila saya melawat rumah panjang semasa menyambut Pesta Gawai kaum Dayak, saya terpandang poster seorang pemuda Iban berpakaian tradisi menggunakan komputer notebook dan Internet dalam rumah panjang tradisi, saya suka gambar tersebut dan berharap ia akan menjadi kenyataan pada suatu masa kelak.

Jika kerajaan benar-benar hendak membuatnya ia boleh melakukannya pada hari esok juga. Apabila ini dibuat tiba-tiba isu jarak jauh tidak akan timbul, access kepada maklumat dan mempelajarinya tidak akan terhad. Tetapi sekarang apabila saya pergi melawat rumah panjang di hulu sungai, saya merasa terasing dari seluruh dunia. Saya selalu menganggap teknologi maklumat dan multimedia sebagai alat yang teguh untuk memupuk integrasi nasional dan ke arah mewujudkan perkampungan dunia, tetapi melainkan kita maju bersama dengan Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, matlamat kita untuk mewujudkan sebuah negara yang bersatu-padu, penuh penyertaan, saling berhubungan dan memahami antara satu sama lain. Kalau tidak, ia tidak akan tercapai dan segala kesusahan Sarawak dan Sabah akan terus tertinggal di belakang akan kekal hingga abad yang akan datang.

Untuk beberapa bulan lalu website bagi Sarawak port dan info Bintulu dan forum perbincangan di Sarawak telah berterusan diganggu dan dihalang oleh sesetengah pihak tertentu. Ini akan mengulangi mengepos mesej yang mengambil

keseluruhan ruang memory website dan menafikan akses kepada host message oleh mana-mana orang. Webmaster yang kurang elok akan terpaksa mengulangi semula dan membatalkan satu item ke satu item dan ini mengambil masa berjam-jam lamanya. Apabila ini dibuat pada keesokan hari, kita mendapati pihak tertentu ingin menghalang website sekali lagi.

Manusia seperti ini adalah perosak dan ia menafikan hak orang lain untuk bersuara dan ini patutlah disekat. Apakah bentuk kod etika yang kita ada dalam teknologi maklumat supaya dunia Internet boleh menjadi satu dunia yang lebih bertamadun bagi menggalakkan semangat masyarakat global, aman, harmoni, persaudaraan dan lain-lain. Semakin banyak dan terkini undang-undang dan peraturan digubal dan dikenakan untuk melindungi hak individu atau hak serantau, marilah kita menggunakan fikiran kreatif kita untuk meningkatkan intellegence manusia bagi kebaikan bersama di samping hak individu. Masyarakat business Malaysia terpaksa menunggu sebaiknya pemasaran tanpa sempadan seperti yang wujud sekarang dalam Internet. Perniagaan kita mengalami kerugian berbilion ringgit dalam pasaran tanpa sempadan Internet.

Setengah penganalisis industri di Amerika Syarikat telah meramalkan bahawa perdagangan Internet boleh melepasi US\$200 bilion pada tahun 2000. Adakah kementerian telah merangka langkah dan garis panduan secepat mungkin bagi syarikat Malaysia dalam perdagangan Internet dan memastikan bahawa ia adalah tempat yang selamat dan stabil bagi mereka yang ingin berurusniaga menerusinya dan menyediakan persekitaran yang sah, consistent, predicable bagi memudahkan perniagaan dan perdagangan berkembang secara adil dan saling memahami. Kita semua mengetahui banyaknya bahan lucah yang boleh diperolehi menerusi Internet. Bahan-bahan seperti ini tidak sihat bagi kanak-kanak, dan saya merayu kepada kerajaan supaya melindungi anak-anak kita dari bahan lucah ini dan mengharamkan bahan lucah dari ditonton oleh kanak-kanak. Bolehkah

MIMOS menyediakan penyelesaian teknikal yang membolehkan ibu bapa menyekat bahan-bahan yang tidak diingini supaya tidak sampai ke tangan kanak-kanak.

Di samping korupsi moral yang berlaku menerusi Internet kita juga perlu melindungi pengguna komputer dari bahaya kesihatan. Kajian di Germany pada tahun 1994 didapati bahawa wanita yang menggunakan komputer dalam bilik komputer bagi masa yang lama terdedah kepada barah payu dara berbanding dengan mereka yang tidak bekerja dengan komputer. Ini disebabkan pemancaran elektronik yang tidak boleh dilihat, tidak boleh dideria dan dirasai dari komputer diserap oleh badan menyebabkan pertumbuhan sel yang berbeza dan yang boleh mengakibatkan banyak penyakit yang berlainan. Walaupun kewujudan ancaman ini masih belum dipastikan lagi dan banyak penyelidikan masih diperlukan, tetapi kita patut berbuat apa sahaja untuk memastikan risiko ini dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa Kerajaan Sarawak sedang menimbang cadangan Syarikat Telekom Malaysia untuk mewujudkan satu perkampungan cyber Sarawak di Kota Samarahan yang tidak jauh dari Kuching. Walaupun cadangan ini belum diputuskan lagi, tetapi saya berpendapat bahawa sebuah lembah Silicon atau MSC Sarawak perlu diwujudkan bagi menampung perkembangan akan datang kerana Semenanjung sudah ada MSC di Cyberjaya, maka Sarawak haruslah pula memiliki sebuah Koridor Raya Multimedia yang tersendiri walaupun kampung cyber Sarawak adalah serupa dengannya tetapi patutlah setanding dengan taraf MSC Cyberjaya di Semenanjung Malaysia.

Sebelum ini dapat dibuat ataupun akan dibuat, segala kemudahan asas seperti rangkaian telekomunikasi dan bekalan elektrik wajar disediakan terlebih dahulu, rakyat di Sarawak harus terlebih dahulu dilatih dalam bidang multimedia dan teknologi maklumat dan rakyat Sarawak harus mendapat manfaat sepenuhnya dari penubuhan kampung cyber itu.

Rang Undang-undang Telekomunikasi dan Multimedia 1998 yang digubal sebagai menggantikan Akta Telekomunikasi 1950 dan Akta Penyiaran 1988 yang akan dimansuhkan akan ditadbir oleh sebuah Suruhanjaya, tetapi di bawah kementerian mana ia dipertanggungjawabkan belum dipastikan. Tidak lama dahulu Menteri Penerangan memohon kerajaan supaya bidang komunikasi dan Multimedia ini diletakkan di bawah Kementerian Penerangan. Sepatutnya kerajaan hendaklah menubuhkan sebuah kementerian baru iaitu 'Kementerian Komunikasi dan Multimedia' memandangkan peranannya yang semakin mencabar dan bertambah menjelang alaf baru.

Di samping itu kita harus melihat masalah yang berlaku dalam industri komunikasi juga, misalnya terdapat syarikat-syarikat pengendali pager dan telefon selular yang memberikan perkhidmatan yang tidak memuaskan kepada pelanggan. Kerap berlaku kawasan liputan perkhidmatan kurang memuaskan, panggilan tidak boleh didengar dan panggilan tidak boleh dihubungi meskipun aduan dibuat, tetapi perkhidmatan masih belum memuaskan dan para pelanggan masih terus membayar caj dan sewa bulanan. Apakah faedah menggunakan telefon selular jika dari rumah sendiri panggilan tidak boleh dibuat atau didengar. Dalam dunia persaingan sekarang syarikat-syarikat telekomunikasi kecil berdepan dengan masalah, tetapi harus diatasi dengan menggabungkan syarikat kecil ke dalam syarikat besar.

Saya difahamkan terdapat beberapa penggabungan berlaku sebelum ini tetapi masalah perkhidmatan yang kurang memuaskan masih terus berlaku. Kalau kita tidak mampu memiliki banyak syarikat telekomunikasi yang terpaksa bersaing dan merebut pelanggan antara satu sama lain, kewujudan dua atau tiga syarikat pengendali yang besar dan berkemampuan memberi perkhidmatan yang memuaskan adalah memadai. Saya juga ingin membangkitkan masalah Syarikat Telekom Malaysia yang mana jika seorang pengguna membatalkan atau menamatkan perkhidmatan telefon, talian tersebut masih tidak dipotong dan bil

telefon masih diterima. Saya kira apa yang berlaku ialah sindiket orang dalam sendiri yang menjalankan kegiatan. Mereka yang bertugas hanya merekodkan pemotongan tanpa diberi notis pemotongan. Pemotongan itu tidak diberitahu ke bahagian teknik. Apabila bahagian teknik tidak diberitahu notis pemotongan tidak dihantar ke bahagian akaun. Ini menyebabkan telefon yang dipotong tidak kedengaran bunyi “telefon anda sudah dipotong”. Hanya bunyi dering sahaja.

Akibatnya pengguna masih menerima bil telefon. Para pengguna tidak boleh menuntut cagaran telefon akibat tunggakan yang bukan dibuat oleh pengguna. Talian itu kemudian diberikan kepada pemohon lain secara pintu belakang asalkan pemohon membayar upah tertentu kepada juruteknik untuk membuat sambungan dan bil baru dihantar kepada mereka. Itulah sebab berlaku pertengkaran antara kakitangan teknik dengan khidmat pelanggan berhubung talian yang tidak dilaporkan ke bahagian teknik. Bukan sahaja STM rugi, tetapi pengguna juga rugi dengan kegiatan ini.

Begitu juga permohonan palsu menggunakan alamat palsu, kejadian curi talian dan menerima bil yang tinggi memang sukar diatasi. Bukan STM sahaja yang menghadapi masalah ini, tetapi syarikat telekom selular juga berdepan dengan ini. Kerajaan harus menubuh satu skuad untuk membanteras kegiatan tidak sihat ini yang merugikan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tradisi rumah panjang saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, seorang Iban. Yang Berhormat Menteri sedikit-sebanyak sudah berusaha dalam bidang ini. Itulah sahaja. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Bukit Mertajam.

5.57 ptg.

Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Tuan Yang di-Pertua, banyak sudah diperkatakan berkaitan dengan rang undang-undang ini oleh rakan-rakan saya. Yang menarik perhatian saya adalah bagaimana pencurian talian telefon sudah berlaku di kalangan kita sekarang ini. Mengikut pihak-pihak yang berkenaan, saya sudah mendapati sedikit kefahaman bagaimana pencurian talian telefon bimbit itu boleh atau mungkin berlaku. Sesebuah telefon bimbit itu akan dijual melalui Kastam sampai pelabuhan dan nombor kod 16 digit itu akan direkod oleh Kastam. Selepas itu kod 16 digit itu akan dihantar kepada pengedar-pengedar telefon bimbit itu untuk dijual kepada penjual-penjual pemborong. Kod-kod 16 digit itu sebenarnya adalah rahsia kepada talian itu yang diberi ataupun dijual kepada orang dalam kumpulan yang haram yang boleh terlibat dalam pencurian ini.

Saya ingin membuat seruan kepada pihak kerajaan supaya mengambil tindakan supaya melindungi kod-kod 16 digit yang dihantar bersama-sama dengan telefon bimbit yang dijual daripada kilang sampai kepada pengguna. Ada beberapa langkah yang boleh diambil untuk memperindungi pengguna. Satu, seperti apa yang diambil oleh pihak Celcom, satu set nombor kod 16 digit akan diberikan kepada pengguna sekali lagi dan 16 digit itu akan dimasukkan ke dalam memory untuk akaun pengguna itu. Tetapi ini hanya setakat di sini sahaja. Kalau programmer ataupun system analyst Celcom itu tidak taat setia kepada syarikat Celcom ataupun syarikat telefon bimbit yang berkenaan, dia pun boleh buka kuasa ini dan menjualkan dua set kod 16 digit itu kepada pelanggan yang ingin membeli kod-kod itu dengan satu harga yang lumayan. Dia hanya beli kod-kod itu supaya boleh membuat panggilan telefon yang percuma. Panggilan-panggilan itu akan dibayar oleh orang-orang yang memiliki telefon tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan perkara ini supaya kerajaan kita boleh mengambil tindakan yang segera dan keras terhadap penjenayah-penjenayah IT. Saya panggil ini penjenayah IT yang sudah jadi berteknologi tinggi dan mereka menjualkan maklumat itu untuk mencari untung yang lumayan.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu saya ingin menyeru kepada kementerian supaya memasang sesuatu software telekomunikasi yang boleh melindungi pengguna-pengguna telefon di rumah. Kerana selalunya ada aduan-aduan yang diterima daripada rakyat jelata bahawa walaupun di rumah-rumah mereka tidak ada seorang pun semasa mereka pergi bercuti, nampaknya ada orang yang membuat panggilan kepada nombor-nombor yang bermula dengan 600 dan sebagainya. Nampaknya nombor-nombor yang bermula dengan 600 itu adalah panggilan seks dan sebagainya ke Argentina, Brazil dan sebagainya. Di rumah-rumah pada masa itu memang tidak ada orang, masa cuti dan sebagainya tidak ada orang yang tinggal dalam rumah itu, semua ahli-ahli keluarga pun sudah pergi bercuti buat satu minggu. Dalam tempoh masa satu minggu berlaku perkara ini, nombor 600 dipanggil dan bila sampai bil tidak diakui oleh pemilik rumah itu.

Selepas siasatan memang disahkan bahawa keluarga itu ada ambil cuti di negara jiran di Thailand ataupun di Singapura tetapi pada masa itu panggilan itu dibuat ke nombor-nombor 600, dua jam ataupun tiga jam satu malam. Macam mana bil telefon tidak melambung.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pihak Telekom mesti menjalankan kerja-kerja software telekomunikasi dengan teliti lagi supaya dapat melindungi pengguna-pengguna di rumah-rumah ataupun di syarikat-syarikat perniagaan yang membayar bil telefon. Saya cadangkan, jika boleh, seperti meter-meter elektrik mungkin kita boleh pasang sebuah meter telefon yang dipasang di tepi telefon. Apabila kita buat panggilan telefon kita boleh nampak bil telefon itu naik dalam meter telefon dengat dengan telefon. Tiap-tiap hari tuan punya rumah itu boleh

mencatat bacaan yang ditunjukkan oleh meter telefon itu di rumahnya sendiri sebagai satu double check. Bila dia terima bil telefon bulanan dia boleh buat semakan sama ada apa yang dia rekod itu betul atau tidak betul mengikut apa yang dihantar oleh Jabatan Telekom.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini oleh kerana kemudahan Internet dan oleh kerana rangkaian-rangkaian Multimedia, budak-budak kita ada akses dengan mudah kepada pelbagai jenis program. Ada yang membawa faedah, ada yang membawa pengetahuan, ada juga yang bawa khayalan dan juga ada yang membawa mereka ke arah jenayah. Dalam bahagian Internet memang ada software seperti Internet Patrol dan sebagainya yang boleh disubscribe oleh ibu bapa supaya dipasang pada rangkaian komputer mereka. Program-program itu boleh didapati dan dipasang pada rangkaian mereka supaya apabila Internet diakses hanya website-website yang tidak dihalang oleh Internet Patrol itu boleh diakses oleh budak-budak di rumah ataupun di sekolah-sekolah.

Saya percaya dalam aspek ini Kementerian Pendidikan memang perlu mengkaji apakah yang mesti dihalang, apakah yang mesti diberi ulasan dan apakah yang mesti digalakkan. Software tertentu boleh direkabentukkan untuk mengambil tempat yang sesuai dalam rangkaian Internet yang ada di sini. Ini adalah supaya apabila kita dapat kebaikan daripada kemudahan Internet rangkaian komputer, kita juga melindungi budak-budak sekolah dan pelajar-pelajar remaja kita daripada pengaruh-pengaruh yang negatif daripada unsur-unsur yang kurang sihat, terutama sekali dalam website yang kononnya membuat iklan bahawa mereka akan tunjukkan their first time on live Internet. Ada sepasang orang buat iklan dalam Internet bahawa mereka akan tunjukkan their first time live on the Internet. Itu pun saya tidak percaya.

Memang itu adalah aspek-aspek yang kurang sihat dalam Internet. Baru-baru ini oleh kerana Internet adalah satu alat yang begitu senang diperalatkan

untuk menghantarkan berita-berita termasuk khabar-khabar angin, bisik-bisik berkaitan dengan orang ini, berkaitan dengan orang itu, saya rasa ini bukan satu amalan yang bagus. Ini bukan satu amalan yang bertanggungjawab. Kalau seseorang itu memang ada buat salah, ambillah tindakan mahkamah terhadap orang ini dan selesai kes itu. Kalau tidak, janganlah sebarkan maklumat yang bukan-bukan dalam Internet yang membuang ruang memory website dan sebagainya dan juga mengganggu pengguna-pengguna website yang lain yang ingin menggunakan website itu untuk forum yang lebih constructive dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kita rasa bangga kerana negara Malaysia pun ambil langkah yang positif ke arah ‘zaman kerajaan tanpa kertas’ (paperless government) atau electronic government. Dalam langkah ini memang kita ingin mempercepatkan semua proses. Dalam langkah ini bolehkah kita juga pastikan bahawa selepas electronic government itu dilaksanakan, semua borang itu boleh dibuat melalui Internet secara interactive dan permohonan-permohonan masuk universiti boleh dibuat melalui homepage Unit Pusat Universiti. Permohonan untuk kad pengenalan, untuk kewarganegaraan, untuk kelayakan-kelayakan yang lain semua pun boleh dilakukan melalui Internet. Saya harap ini adalah satu kemungkinan yang akan jadi satu kenyataan tidak lama lagi dengan usaha dan kerjasama semua pihak yang berusaha dalam MSC.

Tetapi satu perkara yang kita mesti ambil perhatian, iaitu keselamatan data terutama sekali keselamatan data berkaitan dengan data-data peribadi. Contohnya, nombor-nombor kad visa, nombor-nombor kad kredit yang dipakai oleh kita. Bila kita berikan nombor-nombor kad Visa kita ataupun kad American Express kita kepada sesuatu syarikat dalam satu borang interactive di dalam Internet, kita mesti tanya dengan seriusnya adakah syarikat dalam Internet ini boleh dipercayai dengan maklumat yang kita beri itu atau tidak. Mungkinkah maklumat kita itu akan

diedarkan kepada pihak yang lain yang kurang bertanggungjawab. Mungkin itu adalah caranya penjenayah-penjenayah dapatkan maklumat-maklumat penting berkaitan dengan syarikat, berkaitan dengan dengan orang-orang, berkaitan dengan nombor-nombor akaun bank-bank dan sebagainya. Dengan itu, satu siri jenayah akan berlaku dengan amaun ditolak daripada akaun bank mereka, dengan akaun Visa mereka ditambah dengan tidak ada sebab-sebab yang tertentu dan sebagainya. Mungkin perkara-perkara yang ajaib seperti itu akan berlaku oleh kerana ada satu kumpulan yang dipanggil 'the hackers' ataupun orang-orang yang curi masuk ke sana-sini untuk mencari kesempatan.

Kita rasa malu sedikit oleh kerana pelajar-pelajar Malaysia pun terlibat dalam penggunaan-penggunaan Internet ini untuk mencuri duit daripada akaun-akaun, daripada orang-orang lain melalui Internet di UK walaupun memang tindakan ini menunjukkan bahawa mereka sudah menguasai sedikit IT tetapi niat jahat itu adalah satu niat yang kita mesti katakan bukan satu amalan yang diinginkan oleh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, perlindungan data komputer adalah satu hal yang penting dalam zaman IT. Kalau kita ingin menjayakan Koridor Raya Multimedia kita mesti jaga betul-betul supaya data-data terutama sekali data-data peribadi, data-data yang dikatakan rahsia syarikat-syarikat itu tidak boleh didapati melalui rangkaian komputer ataupun tidak boleh dicuri daripada rangkaian komputer dengan begitu senang sahaja. Dengan itu, kita rasa kita mesti gunakan lebih banyak masa dan kita mesti gunakan lebih ramai tenaga sumber manusia untuk menjalankan kerja-kerja mempertingkatkan keselamatan rangkaian komputer sebelum orang ramai boleh menaruhkan keyakinan dan kepercayaan pada sistem perdagangan elektronik. Kalau tidak, kita akan menghadapi satu keadaan yang tidak tentu. Apa yang akan berlaku itu tidak tentu, kita tidak tahu apa yang mungkin akan berlaku. Kita mesti wujudkan polis yang bertauliah dalam bidang

pengetahuan IT supaya mereka mempunyai kebolehan untuk mengesan cara-cara penjenayah-penjenayah IT menjalankan kerja-kerja haram mereka.

Dalam zaman IT, polis dan pihak-pihak kerajaan yang tertentu perlu diberi latihan yang tertentu, yang istimewa dalam bidang IT supaya mereka tahu langkah-langkah dan tindakan yang mungkin diambil oleh penjenayah. Seperti kata pepatah dalam bahasa Inggeris, 'It takes a thief to catch a thief.' Sekurang-kurangnya pihak-pihak polis mesti belajar caranya macam mana seorang hacker itu bertindak mencerooboh masuk ke dalam rangkaian orang lain dan sebagainya sebelum dia dapat tahu macam mana penjenayah itu melakukan sesuatu jenayah.

Jadi saya harap dalam universiti-universiti dan IPTA, IPTS dan sebagainya ada kepakaran, kepakaran komputer yang akan didapati melalui pembelajaran pengajaran pembelajaran dan juga latihan-latihan yang tertentu terutama sekali dalam Bahagian Polis untuk menangani masalah penjenayah IT, terutama sekali dalam bahagian komputer.

Saya berkeyakinan bahawa perdagangan elektronik, Kerajaan elektronik semua itu akan membawa kecekapan yang lebih tinggi kepada kerja-kerja seharian kepada Malaysia. Tetapi pada masa yang sama risiko yang tinggi pun akan dibawa bersama-sama terhadap berlakunya jenayah IT, 'white collar crimes' - jenayah white collar akan berlaku dengan adanya penjenayah-penjenayah yang tahu jalan-jalan masuk-keluar rangkaian internet dan sebagainya.

Jadi saya harap sekolah-sekolah, universiti-universiti dan sebagainya akan memberi pengajaran berkaitan dengan etika-etika kerja, etika kerja dengan komputer, etika menggunakan rangkaian internet komputer kepada semua pelajar supaya kita bukan sahaja menguatkuasakan undang-undang cuba menangkap penjenayah-penjenayah, tetapi kita juga cuba memberikan pendidikan secara luasnya kepada rakyat jelata kita supaya mengelakkan keadaan di mana ramai daripada mereka mungkin akan cuba menjadi penjenayah komputer.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya harap dengan adanya rang undang-undang ini kawalan yang lebih baik akan dibuat terhadap industri MSC dan satu perkara yang saya rasa mesti ingat adalah kita mesti cuba berdikari daripada pengaruh-pengaruh dunia Barat.

Kita jangan buat kerja tungkus-lumus tetapi sampai akhir hari Bill Gates ataupun Amerika Syarikat saja yang mengambil syer utama dalam perniagaan MSC ini. Kita mesti cuba wujudkan tenaga sumber manusia sendiri dan juga reka bentuk industry research dan development, dengan izin, sendiri supaya kita ada pengetahuan dalam IT yang boleh dikatakan 'itulah rekaan Malaysia', bukan kita copycat daripada Amerika Syarikat. Kalau kita ingin menjadi Silicon Valley outside the America, dengan izin, kita mesti jadi Silicon Valley outside America dengan kebolehan sendiri, yang boleh ditunjuk kepada dunia dan boleh membawa kebanggaan kepada semua rakyat jelata Malaysia.

Saya harap dalam arah perkembangan pengetahuan IT, Malaysia mesti cuba berdikari, berdikari untuk membawa Malaysia kepada satu tahap kecemerlangan yang boleh dibanggakan. Jadi dengan kata-kata itu, saya memohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua : Kota Melaka.

5.18 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, saya turut ingin mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, dengan ini saya menyatakan bahawa secara amnya bolehlah dianggarkan bahawa rang undang-undang ini telah memenuhi semua keperluan yang diharuskan untuk menjayakan Koridor Raya Multimedia (KRM).

Hanya saya rasa dari segi infrastruktur yang sedia ada sekarang yang menjadi pertikaian kerana kalau kita lihat dari awalnya, rancangan yang dicadangkan oleh pihak kerajaan untuk menjayakan Koridor Raya Multimedia

adalah sebagai satu usaha untuk mencapai Wawasan 2020, kerana ini adalah mengikut angka-angka yang diberikan sendiri oleh pihak kerajaan.

Kalau kita hendak mencapai tahap negara maju iaitu perlunya kita ada perkapita GNP sebanyak lebih US\$8,000. Ia tidak akan tercapai kalau kita menggunakan pendekatan perindustrian semasa. Hanya dengan menggunakan potensi zaman maklumat pendekatan industri bermaklumat barulah pihak kerajaan atau negara kita mempunyai harapan untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020, dan pula dinyatakan bahawa berpotensi perkapita GNP akan mencapai US\$15,000.

Saya ingin bertanya dalam keadaan kegawatan ekonomi sekarang, apakah pencapaian potensi atau apakah unjuran pencapaian potensi yang boleh diperolehi oleh negara kita menjelang tahun 2020? Sungguhpun kita meneruskan projek KRM, atau Koridor Raya Multimedia. Adakah ini sekali lagi akan dipinda atau dikaji semula kerana kegawatan ekonomi sekarang mempunyai impak negatif dan kesan negatif yang amat besar sekali.

Saya harap dalam perkara ini pihak kerajaan boleh memberikan satu economic impact assessment tentang krisis ekonomi ekoran penurunan nilai mata wang Ringgit dan juga kekecohan atau keadaan kelam-kabut dalam pasaran nilai mata wang asing.

Oleh itu, saya harap kita mestilah mendapat angka-angka yang tepat untuk mengetahui keadaan yang sebenarnya, dan pada masa yang sama, saya juga ingin tahu sama ada pihak kerajaan mempunyai kemampuan untuk mencapai objektif-objektif KRM. Saya rasa ada beberapa projek yang telah dikurangkan, tetapi secara amnya semua projek yang sedia ada masih diteruskan, dan di sini saya ingin tahu kemampuan pihak kerajaan untuk meneruskannya. Kerana sebagai satu contoh di mana untuk memastikan bahawa ada satu penumpuan atau dengan izin,

‘concentration of a technologically and rich companies’ bolehlah berpusat di KRM.

Pihak kerajaan telah mengarahkan semua syarikat berpusat di sana atau memindahkan pusat R&D di KRM, dan ini termasuk juga syarikat-syarikat yang telah menubuhkan kemudahan di tempat lain. Mereka terpaksa memindahkan pusat R&D ataupun ibu pejabat mereka ke KRM.

Sebagai satu contoh kita boleh melihat tentang pusat-pusat pendidikan. Pusat-pusat pendidikan yang berteraskan informasi maklumat atau IT. Semua diarahkan untuk pergi ke sana. Sungguhpun kos yang mereka terpaksa membiayai adalah sangat tinggi. Contohnya di Melaka ada Universiti Telekom di mana ia ditubuhkan untuk menampung keperluan atau permintaan penuntut-penuntut dari Melaka kerana tiada sebuah universiti di negeri Melaka.

Tetapi pada masa yang sama sebagai sebuah universiti pertama berteraskan IT, ia dianggap sebagai satu tarikan bukan sahaja di Malaysia tetapi di Rantau Asia supaya dapat membangunkan penyelidikan IT. Tetapi sungguhpun Universiti Telekom telah memulakan usaha ini dan telah membelanjakan saya rasa berpuluh-puluh juta ringgit, sehingga sekarang dari segi bangunan sahaja dan kemudahan-kemudahan sedia ada lebih RM30 juta hingga RM50 juta.

Tidak kira, saya rasa tanah yang telah disumbangkan oleh pihak kerajaan negeri. Tetapi mereka pula diminta atau diperlukan untuk berpindah ke KRM ke Cyberjaya. Saya rasa dari segi kos yang terpaksa dialami oleh Telekom Malaysia adalah amat besar, kerana kalau kita lihat dari segi kos bangunan untuk pemusatan atau pembinaan semula. Saya difahamkan mereka terpaksa membelanjakan hampir RM700 juta, atau mungkin sampai RM1 bilion sekarang kalau kita lihat dalam kadar ringgit semasa selepas penurunan nilai mata wang Ringgit. Dan saya rasa jumlah seperti ini sepatutnya boleh dijimatkan, kalau boleh janganlah kesemuanya hanya berpusat di Cyberjaya atau di KRM.

Sekadar untuk memastikan bahawa pihak kerajaan boleh menggambarkan KRM telah berjaya. Saya rasa kita di sini tidak boleh menggunakan unsur-unsur paksa dan saya berpendapat bahawa arahan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan seperti memaksa semua syarikat mesti berpusat di sana. Dan satu aspek menggambarkan beban kepada syarikat-syarikat tersebut.

Aspek kedua, ialah menafikan hak negeri-negeri lain untuk menikmati pembangunan dan kemajuan yang boleh dicapai dalam IT. Dan di sini saya amat bimbang untuk negeri Melaka bahawa rakyat Melaka dan juga penuntut-penuntut di Melaka akan dinafikan hak untuk menikmati pendidikan universiti. Oleh sebab itu, saya harap perkara ini boleh ditimbang semula, kerana ia bukan sahaja akan membantu negeri-negeri lain yang tidak bernasib baik untuk mendapat peluang sedemikian, tetapi pada masa yang sama kita boleh menjimatkan wang supaya tanggungan yang lebih berat tidak perlu dipikul oleh syarikat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya sekali lagi meminta pihak Kerajaan menyatakan macam mana kita boleh memastikan bahawa unsur-unsur ataupun pelaburan-pelaburan luar asing bolehlah ditingkatkan. Sungguhpun tadi dalam satu jawapan soaljawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan telah menyatakan bahawa ada 134 syarikat yang menunjuk minat dalam KRM.

Tetapi saya ingin tahu dari segi pelaburan dalam US Dolar bukan dalam Ringgit Malaysia kerana inilah penting. Apakah commitment mereka pada asalnya dalam US Dolar, dan apakah jumlah pelaburan yang mereka sebenarnya commitkan? Saya rasa ini adalah perlu untuk membandingkan sama ada syarikat-syarikat luar negara yang menunjukkan minat benar-benar membuat commitment mereka dengan melaburkan wang dalam KRM.

Di samping itu, adakah pihak yang berkenaan khususnya MDC adakah mereka telah membuat satu tinjauan dan ataupun membuat lawatan follow up

kepada syarikat-syarikat tersebut untuk menyakinkan mereka. Sungguhpun negara kita menghadapi kegawatan ekonomi tetapi keadaan, alam persekitaran atau environment masih ideal untuk mereka terus melabur di KRM, kerana saya ada dengar di kalangan syarikat-syarikat komputer bahawa mereka amat kkuatir sama ada syarikat-syarikat besar daripada luar negara benar-benar akan melabur di KRM seperti mana yang dijanjikan oleh mereka.

Ini adalah berikutan seperti mana yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri keadaan yang mereka anggap tidak begitu menentu di rantau ini dan saya rasa adalah perlu bahawa pihak kerajaan mengambil langkah-langkah untuk menyakinkan syarikat-syarikat tersebut.

Di samping itu, saya pun difahamkan bahawa kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh negara Malaysia khususnya tentang kawalan kuat atau kawalan rapi yang akan dikenakan ke atas media massa telah ataupun kritikan keras oleh pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke atas media massa asing pun menimbulkan tanda tanya di kalangan syarikat-syarikat tersebut, kerana tidak boleh dinafikan salah satu unsur yang paling penting untuk membolehkan KRM berjaya ialah tidak boleh ada sebarang censorship dalam internet ataupun dalam MSC. Dan mereka kkuatir bahawa dengan keadaan di mana kerajaan nampaknya lebih suka mengkritik orang lain atau menyalahkan orang lain daripada mengakui kelemahan mereka, juga merupakan satu unsur yang tidak menyakinkan atau mengalakkan syarikat-syarikat Multimedia ini terus melabur di Malaysia.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin tahu apakah langkah utama yang diambil oleh pihak kerajaan untuk memenuhi permintaan yang paling utama oleh syarikat-syarikat tersebut baik luar negeri ataupun syarikat tempatan yang melabur dalam KRM, iaitu yang pertama kekurangan kemahiran ataupun kekurangan pekerja-pekerja yang terlatih dalam bidang ini.

. Saya rasa dalam kajian yang dibuat oleh kerajaan, ini merupakan satu aspek yang paling dikhuatirkan oleh pelabur-pelabur baik luar negeri ataupun dalam negeri. Selain daripada itu juga kemudahan dan mutu telekomunikasi, saya rasa di sini perlu dinyatakan bahawa mutu dan '*availability*' telekomunikasi dalam negara kita amatlah tidak memuaskan.

Apakah langkah yang diambil oleh pihak kerajaan untuk memperbaikinya. Saya rasa dari segi digital line yang dipasang oleh pihak Telekom nampaknya tidak membawa apa-apa faedah. Kalau kita lihat telefon-telefon di kediaman ataupun dalam kawasan-kawasan perindustrian, saya rasa Yang Berhormat pun tahu, ada banyak aduan tentang mutu perkhidmatan yang diberikan oleh Telekom Malaysia, baik untuk mereka yang hendak log in ke Internet, saya rasa TMnet sering mendapat gangguan, sering tidak boleh log in, walaupun membuat panggilan biasa. Saya rasa ada banyak gangguan dilatar belakang, ada banyak cross line dan baru-baru ini perkara yang amat memalukan, saya rasa untuk Telekom Malaysia ialah retrospektif ataupun pengiraan semula bil-bil telefon, di mana Telekom mendakwa tidak tahu sama ada break down computer ataupun masalah-masalah teknik komputer, mereka tersilap kira bil telefon untuk semua pelanggan di Malaysia. Saya rasa itu adalah satu keadaan yang tidak boleh diterima. Sistem komputer yang sedia ada yang terpakai takkan boleh lupa mengira bil-bil telefon yang dipanggil atau yang digunakan oleh para pengguna. Dan untuk mengira balik semula saya rasa menunjukkan bahawa Telekom Malaysia tidak bertanggungjawab. Di sini saya harap Yang Berhormat Menteri boleh campur tangan dalam hal ini, kerana ini adalah satu perkara yang penting yang telah menimbulkan keresahan rakyat, keresahan pengguna yang tidak berpuas hati mengapa mereka perlu membayar bil-bil telefon yang begitu tinggi dan pada masa yang sama mereka pun mensyaki sama ada panggilan ini sebenarnya ini dibuat oleh mereka.

Dan saya harap dalam aspek ini pihak kementerian haruslah campur tangan, macam mana sesuatu sistem komputer yang dipakai atau digunakan oleh Telekom selama ini, boleh tersilap dengan lupa kira bil-bil telefon, sehingga tiga bulan kemudian baru mereka kira balik, dan oleh kerana mereka kira balik, tiba-tiba kita lihat bil telefon bulanan telah naik beratus-ratus ataupun beribu-ribu ringgit. Ini saya rasa, sekali lagi menunjukkan ada unsur paksa membayar kerana kalau pengguna-pengguna tidak membayar, membuat bayaran bil telefon, talian telefon mereka akan dipotong dan keadaan sedemikian saya rasa tidak adil, kalau ada apa-apa kesilapan, kesilapan ini timbul dalam Telekom Malaysia, dan seharusnya Telekom Malaysia mesti menanggung perbelanjaan sedemikian. Kalau ada apa-apa silap, bukanlah pengguna yang silap, pihak Telekom Malaysia yang silap, mengapa apabila Telekom Malaysia yang silap pengguna pula perlu menanggung kos perbelanjaannya. Di sini saya ingin mendesak bahawa pihak kementerian mengarahkan Telekom Malaysia memulangkan bayaran tambahan yang dikenakan kepada pengguna. Dan saya tidak tahu apakah jumlah tambahan tersebut, saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberikan jawapan kepada Dewan yang mulia ini, berapa juta ringgit yang dikira balik, berapa juta ringgit tambahan bayaran yang perlu dibayar oleh para pengguna, kerana *retrospective billing*, dengan izin yang dibuat oleh Telekom Malaysia.

Saya rasa ini adalah sesuatu perkara yang amat asas, amat basic sekali, kerana kalau kita tidak boleh memberikan atau mengekalkan kemudahan yang begitu mudah macam mana kita boleh menarik atau meyakinkan pelabur-pelabur bahawa kita mampu menangani cabaran KRM atau MSC sehingga komputer pun boleh terlupa untuk kira bil-bil panggilan. Saya rasa itu memalukan, dan saya harap dalam aspek ini satu keadilan bolehlah diberikan kepada berpuluh-puluh ribu pengguna yang terpaksa menanggung perbelanjaan tambahan sedemikian.

Di sini saya harap perkara ini adalah satu perkara besar khususnya kepada pengguna-pengguna telefon, saya harap pihak kementerian boleh memberikan satu penjelasan penuh tentang isu ini, macam mana komputer ini boleh silap adakah ada masalah tertentu, adakah penyelewengan, dan kalau ini berlaku mengapa pula pihak Telekom tidak boleh menanggungnya tetapi perlu ditanggung oleh pengguna. Saya rasa Yang Berhormat Menteri pun tahu, bahawa baru-baru ini Telekom Malaysia telah mengumumkan kepada pelanggan-pelanggan Internet atau pelanggan-pelanggan yang subscribe yang melanggan kepada TMnet bahawa mereka akan dikecualikan daripada membuat bayaran untuk subscription kalau mereka log in ke Internet. Saya difahamkan bahawa ini bukanlah kerana Telekom bermurah hati kerana *'not the Telekom is generous'*, dengan izin tetapi oleh kerana ada masalah dalam sistem rekod komputer mereka yang telah, dengan izin, *corrupted all the files or the data of Telekom Malaysia'*. Kalau ini boleh berlaku untuk pelanggan-pelanggan TMnet saya rasa masalah yang sama pun akan timbul untuk mereka yang buat panggilan biasa oleh pelanggan-pelanggan, oleh yang demikian saya harap satu pembetulan boleh dibuat oleh pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin tahu apakah usaha yang akan dibuat oleh pihak kerajaan untuk memastikan *'information super highway'* bolehlah dilancarkan kerana apa yang saya perhatikan sehingga hari ini ialah sungguhpun pihak kerajaan ada, kalau kita boleh cakap *'we have late'*, telah memasang itu kabel-kabel atau kemudahan, tetapi ia bukan secara berterusan. Kalau kita boleh menggunakan analogi untuk *'information super highway'* menjadi satu hakikat, menjadi satu realiti ia mestilah secara continuous, secara regular dan tidak boleh menghadapi apa-apa road-block Tapi yang berlaku ialah kalau kita menggunakan analogi yang demikian, setengah jalan ada highway, tapi disambung pula dengan jalan kampung, lepas ini jalan tanah dan sambung lagi dengan highway.

Saya rasa kalau perkara ini tidak diselesaikan susah untuk kita menjadi, dengan izin '*wired a country*' ataupun '*information society*' dan satu contoh yang paling menonjol sekali ialah Pulau Pinang. Sungguhpun ada banyak rancangan atau banyak pengumuman yang di buat oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, tapi sehingga sekarang saya rasa mereka belum mencapai target-target ataupun objektif-objektif yang mereka tetapkan khususnya untuk seluruh negeri Pulau Pinang tidak dapat, dengan izin di '*wired*' atau dihubung seperti mana yang dicadangkan. Saya rasa kita perlu ada satu dasar keseluruhan, dasar negara untuk menghadapi masalah-masalah yang timbul untuk memastikan bahawa seluruh negara dan keseluruhan negeri, bukan sahaja satu dua tempat boleh menikmati kemudahan IT dan sebagai satu rumusan tentang KRM, apa yang dicadangkan oleh Kerajaan Malaysia tidak lain daripada cuba mewujudkan satu negara dua sistem.

Kalau kita lihat KRM cadangan-cadangan yang dibuat oleh KRM di mana full liberalisation, semua kelonggaran diberikan baik dalam aspek pekerja-pekerja ataupun dari segi pemilikan ataupun dari segi kemudahan untuk keluar masuk atau permit visa ke Malaysia, saya rasa kemudahan sedemikian tidak dinikmati di lain-lain tempat. Ini mewujudkan macam satu negara atau a country within a country, dalam koridor yang begitu sempit, kerana semua kemudahan ini baik dari segi imigresen, baik dari segi dasar-dasar, semua ini hanya tertumpu di koridor tersebut sahaja, tidak di negeri-negeri lain.

Saya rasa ini memberikan gambaran bahawa pihak kerajaan tahu bahawa hanya kalau kita mengamalkan satu dasar liberal, barulah kita boleh menarik pelaburan, barulah kita boleh menjayakan KRM barulah ekonomi negara boleh melonjak ke tahap yang lebih tinggi lagi. Kalau begitu, bolehkah saya cadangkan bahawa pihak kerajaan mengambil satu pendapat untuk memperkenalkan dasar sedemikian di seluruh negara. Kerana kita tidak mahu lihat satu keadaan di mana satu tempat menikmati keistimewaan-keistimewaan tertentu yang dinafikan di tempat-tempat lain dan akibatnya ialah negeri-negeri atau tempat-tempat lain yang dinafikan kemudahan sedemikian tidak

akan membangun dengan begitu pesat. Saya rasa ini tidak lain daripada keadaan di negara China di mana tempat-tempat tertentu yang digelar special economic zone dengan izin, boleh mengamalkan sistem kapitalis yang penuh tetapi di kawasan-kawasan lain masih terkongkong oleh sistem communism, dan kalau kita lihat keadaan di Malaysia pun sama, keadaan liberal, kelonggaran penuh, tetapi di tempat lain masih tidak liberal, masih mempunyai kawalan-kawalan yang ketat. Saya rasa keadaan demikian adalah unnatural, dan tidak akan membantu pembangunan, bukan sahaja pembangunan ekonomi, tetapi juga pembangunan ekonomi yang equitable yang berekuiti dan adil dan saksama. Oleh sebab itu saya harap bahawa dalam pembangunan KRM kita harus mengambil kira kepentingan negeri-negeri lain selain daripada Koridor Raya Multimedia.

Tuan Yang di Pertua, saya tidak mahu bercakap panjang tentang Akta Multimedia ini kerana ia merangkumi banyak aspek teknikal yang saya difahamkan bahawa dalam perkara ini telah cuba tentunya bukan 100% tetapi merupakan satu usaha untuk mengambil kira semua aspek-aspek yang mungkin timbul, dan di sini saya hanya harap bahawa Yang Berhormat Menteri ataupun pihak kerajaan mestilah mengambil kira tentang pentingnya kita memberikan infrastruktur atau kemudahan yang boleh memberikan perkhidmatan yang baik, yang boleh digantung atau dipercayai oleh pengguna-pengguna. Kalau kita lihat dari segi perkhidmatan yang diberikan amat tidak memuaskan dan saya telah memberikan beberapa contoh di mana Telekom Malaysia telah gagal memberikan perkhidmatan yang begitu asas sekali dan saya harap perkara ini perlulah diperbetulkan dan saya rasa mungkin pihak kementerian harus meneliti dengan lebih terperinci lagi rancangan-rancangan yang dibuat oleh Telekom Malaysia supaya dari segi teknikal kita mencapai tahap kalau bukanlah world standard, tetapi sekurang-kurangnya regional standard sama dengan negara Singapura.

Di sini saya rasa kalau kita lihat dari segi perkhidmatan yang diberikan oleh Telekom Malaysia masihlah tidak cukup memuaskan dan dalam aspek ini saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberikan tumpuan yang berat, yang serius tentang aduan-aduan yang dibuat oleh orang ramai tentang perkhidmatan yang diberikan oleh Telekom Malaysia. Itu sahaja Tuan Yang di Pertua.

Tuan Yang di Pertua: Tanjong

5.45 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong) : Tuan Yang di Pertua, Rang Undang-Undang Komunikasi dan Multimedia 1998 mungkin boleh dihuraikan sebagai batu tanda atau corner stone kesemua rang undang-undang cyber Malaysia kerana ia merupakan satu rang undang-undang yang merangkumi kesemua butir-butir serta dokumen dasar perundangan menyeluruh untuk koridor raya multimedia dan memandu negara ke satu masa hadapan digital.

Rang undang-undang ini yang dahulunya digelar sebagai Rang Undang-Undang Multimedia Convergence rang undang-undang ini telah diberi nama baru dan merangkumi dua akta yang akan dimasyhurkan iaitu Akta Telekomunikasi serta Akta Penyiaran.

Mula-mula sekali biarkan kita mengkaji secara menyeluruh cadangan-cadangan rang undang-undang ini sebelum saya menyentuh aspek dasar. Rang undang-undang ini menetapkan piawai dan dasar am untuk komunikasi di dalam industri baru yang berasaskan multimedia yang akan bertunas dan bertindak sebagai dokumen panduan dalam era digital. Apa yang saya suka mengenai rang undang-undang ini adalah ia mengambil satu sikap hand-off dan membolehkan forum-forum industri yang khas untuk menentukan tatalaku industri sendiri. Ia membolehkan industri melaksanakan kawalan sendiri tetapi memberikan ruang untuk kerajaan campur tangan sekiranya proses ini gagal nanti. Pengaruh ini terletak di tangan Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi yang baru yang akan bertindak sebagai badan pengawalatur dan penguatkuasa rang undang-undang ini.

Secara khususnya saya mengalu-alukan Seksyen 3 (3) yang berbunyi "*Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh ditafsirkan sebagai membenarkan penapisan Internet.*" Dengan menangani persoalan ini secara awal pihak kerajaan telah menunaikan janjinya yang dinyatakan dalam Bill of Guarantees MSC bahawa isi kandungan yang disampaikan di Internet tidak akan ditapis. Dengan tidak menyatakan secara spesifik dalam undang-undang negara ini maka ia merupakan selangkah ke depan memastikan prinsip kebebasan saluran elektronik dijamin sementara perkara-perkara lain yang

mbolehkan industri melaksanakan kawalan diri akan memastikan bahawa ciri-ciri budaya akan terjaga.

Ini merupakan permulaan yang baik untuk proses perundangan, sungguhpun saya masih ada pandangan-pandangan lain mengenai isu tidak wujudnya penapisan di Internet kemudian. Pada prinsipnya saya adalah mengalu-alukan peruntukan ini. Rang undang-undang ini juga memansuhkan satu provisi yang tertinggal dari rang undang-undang cyber yang lain iaitu berkenaan satu tribunal rayuan yang mengandungi seorang hakim Mahkamah Tinggi dan dua keempat ahli dari bidang-bidang komunikasi dan multimedia, kejuruteraan, undang-undang, kewangan serta pentadbiran awam. Tribunal rayuan ini akan bertindak sebagai arbitrator dan pembuat keputusan atas semua hal berkenaan dengan pelesenan atau perbezaan pendapat, tatalaku di bawah rang undang-undang ini.

Tambahan lagi untuk mencegah pencegahan kepentingan, para ahli yang dilantik menyertai tribunal ini perlulah mengisytiharkan kesemua kepentingan mereka dalam kes-kes yang dikendalikannya. Jika gagal berbuat demikian, akan dianggap melakukan kesalahan. Perkara ini diharap akan memastikan wujudnya keadilan dalam kesemua kes yang dibawa ke tribunal ini.

Sebagai melanjutkan tradisi yang terkandung dalam Akta Telekomunikasi dan Akta Penyiaran, rang undang-undang akan memperkenalkan pembentukan Kanun Industri Sukarela yang perlu dipatuhi oleh para penyerta industri ini. Tindakan ini yang menggalakkan pengawal diri saluran ini sedikit sebanyak akan memperkenalkan pengawalan real-world serta tatalaku yang ditentukan oleh pasaran. Ini akan membantu diwujudkan lebih keberkesanan serta berguna dalam pertumbuhan yang pesat dan cepat industri-industri telekomunikasi dan Internet. Tatalaku akan dibentuk oleh forum-forum industri dan dilantik oleh Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi.

Kepatuhan ke atas tatalaku ini akan juga digunakan oleh para peserta industri sebagai langkah-langkah perlindungan dari dakwaan-dakwaan sivil. Untuk memastikan wujudnya keadilan, rang undang-undang ini memberi kuasa kepada suruhanjaya menolak sebarang kanun yang belum dikemukakan untuk kajian teliti serta kelulusan awam. Ini akan memastikan bahawa tidak satu pun forum industri yang mendominasi dengan mencipta kanun-kanun yang hanya menguntungkan diri sahaja. Bagaimanapun, saya rasa

bahawa satu syarat tambahan di mana mereka yang bukan ahli forum ini harus dibenarkan untuk mengemukakan cadangan, modifikasi dan penambahan ke atas kanun ini dalam peringkat penggubalannya.

Tambahan lagi, rang undang-undang ini perlu memastikan bahawa penyertaan ahli-ahli forum tidak tersekat oleh syarat-syarat kewangan atau lain-lain syarat bukan kewangan supaya penglibatan proses pengawalan diri ini adalah dari pelbagai sektor industri serta pengkalan pengguna. Langkah pengawalan diri ini sebenarnya merupakan langkah pertama sedunia dan pendraf rang undang-undang ini harus dipuji kerana memasukkan ciri-ciri ini. Syabas!

Memandangkan industri komunikasi dan multimedia yang kita cuba kawal ini berubah dengan skala yang tidak pernah dialami sebelum ini, maka peraturan-peraturan dan perundangan akan menjadi usang dengan cepat. Oleh sebab itu, adalah agak merangsangkan bahawa rang undang-undang ini mengkehendaki suruhanjaya ini mengkaji semua peraturan dan undang-undang berkaitan setiap tiga tahun. Tindakan ini akan memastikan peraturan yang paling baru dapat digubal untuk membantu tindakan industri serta membolehkan kita mendapat kebaikan maksimum dari kelenturan yang ditawarkan ini.

Antara kandungan rang undang-undang ini adalah peruntukan-peruntukan dan dengan terang menghalang sebarang tindakan monopoli dan menghalang penjawat ini kuasa untuk memaksa pesaing mereka keluar dari pasaran. Sebagai tindakan awal menghalang berlakunya tindakan monopoli, peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam Bab 2, Bahagian VI ini mengkehendaki pembekal perkhidmatan membekalkan kadar tarif dan kualiti perkhidmatan yang sama kepada lain-lain pesaingannya sebagaimana yang mereka akan lakukan ke atas perkhidmatan mereka sendiri. Dalam analogi dunia sebenar, ia bererti Telekom Malaysia perlu membekalkan kadar tarif dan kualiti perkhidmatan yang sama seperti TMnet 1515nya kepada semua Internet Service Provider (ISP) lain di Malaysia termasuk JARING.

Tambahan lagi, peserta dalam industri ini tidak dibenarkan untuk melakukan aktiviti-aktiviti yang akan membolehkan rate-fixing, perkongsian pasaran melancarkan tindakan pemuluan pembekal dan vendor. Sementara itu pembekal perkhidmatan

dihalang dari memaksa para pengguna mendapatkan pelbagai perkhidmatan tambahan selain daripada perkhidmatan utama. Ini merupakan satu syarat yang baik untuk para pengguna kerana ia menghalang berlakunya ratefixing, tindak-tanduk yang tidak adil dan pembelian perkhidmatan-perkhidmatan secara pukal, secara paksaan.

Sementara kebanyakan keperluan pelesenan di bawah rang undang-undang ini sebenarnya dibawa dari Akta Telekomunikasi dan Akta Penyiaran. Satu perkhidmatan tambahan nampaknya telah dimasukkan sebagai mandatori pelesenan. Perkhidmatan ini yang digelar sebagai provisi perkhidmatan aplikasi kandungan – content application, dihuraikan secara kasar dan cukup untuk merangkumi isi kandungan yang disampaikan oleh World Wide Web. Maka, adalah mungkin bahawa satu interpretasi akta ini termasuklah isi kandungan yang disampaikan menerusi laman perlu dilesenkan. Adakah ini bererti kesemua tapak laman di Malaysia atau website di Malaysia akan memerlukan kelulusan kementerian sebelum boleh act on line? Sekiranya jawapannya ya, maka ia akan merupakan langkah ke belakang dan tidak selaras dengan seluruh rang undang-undang ini yang nampaknya berhasrat untuk menggalakkan persaingan terbuka dan kawal diri (self regulatory). Pembekal-pembekal perkhidmatan aplikasi juga termasuk dalam skim pelesenan ini. Sekali lagi saya rasa ini tidak harus dilesenkan supaya tidak membentuk pertumbuhan aplikas-aplikasi tumpuan rangkaian (network centeric) yang akan merupakan kuasa penggerak MSC kelak.

Saya mengalu-alukan peruntukan di dalam rang undang-undang ini yang jelasnya menyatakan bahawa peruntukan kandungan yang bertujuan untuk mengganggu, mengancam atau mengacau seseorang adalah diharam sama sekali. Mengikut banyak definisi spam ataupun E-mel tanpa kebenaran dan E-mel dibuka tanpa kebenaran boleh dianggap sebagai kacau atau ganggu kepada penerimanya. Mungkin kini, penentang-penentang spam akan berpeluang menggunakan jalan undang-undang untuk mencabar tindaklaku-tindaklaku keji ini yang mendatangkan hukuman denda tidak melebihi RM50,000 atau satu tahun penjara.

Di samping itu juga, wire tapping tanpa kebenaran juga dengan jelasnya dihuraikan sebagai tindakan salah mengikut rang undang-undang ini. Adalah ini bermakna, para majikan yang kini membaca E-mel pekerja mereka juga akan dianggap sebagai melakukan kesalahan. It's meant as well, kalau wire tapping tanpa kebenaran juga dianggap sebagai kesalahan, adakah ia bermakna para majikan yang kini membaca

E-mel pekerja mereka juga akan dianggap sebagai melakukan kesalahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberikan satu jawapan yang memuaskan semasa beliau menggulung nanti.

Secara pendeknya, saya berasa bahawa dengan beberapa pengecualian khasnya kekaburan mengenai keperluan pelesenan dalam isi kandungan dan aplikasi yang disampaikan oleh Internet, Rang Undang-undang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 merupakan satu perundangan yang baik. Saya ingin memuji Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos kerana melaksanakan satu tugas yang baik dalam memperkenalkan satu rang undang-undang yang akan membekalkan rangka kerja bagi memupuk industri IT di Malaysia.

Rang undang-undang ini akan membolehkan pertumbuhan industri tanpa sekatan serta penglibatan kerajaan yang minima. Paling penting sekali ia menggalakkan kawal diri – satu ciri-ciri yang seharusnya telah bermula dalam industri Malaysia lama dahulu, patut bermula dalam industri Malaysia lama dahulu. Bagaimanapun, adalah belum lambat untuk memulakan sekarang dan adalah sesuatu yang menarik melihat semua pihak berlumba-lumba menjalankan lobi untuk menjadi forum industri terpilih. Tambahan lagi masa juga harus disediakan bagi membolehkan pengguna-pengguna Internet dan Telekom untuk menubuhkan badan-badan perwakilan mereka memandangkan rang undang-undang ini membenarkan penubuhan forum-forum pengguna. Mungkin kini telah tiba masa untuk menghidupkan kembali MY-ISOC atau The Malaysian Internet Society sebagai forum pengguna Internet.

Rang Undang-undang ini membekalkan satu asas yang baik untuk masa depan digital yang saya harap satu masa yang cerah untuk Malaysia. Bagaimanapun, masih wujud banyak lagi kontroversi apabila kita membahis isu-isu dasar awam, agenda teknologi maklumat kebangsaan kerana rangka kerja perundangan adalah satu perkara sementara pemupukan satu masyarakat ilmu yang melibatkan dan membolehkan semua rakyat Malaysia berjaya melonjak ke era digital pula adalah perkara yang berlainan.

Dalam persidangan INFOTECH Malaysia 1996 pada 19 Disember 1996, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melancarkan, mengumumkan Agenda IT Kebangsaan atau NITA (National IT Agenda) yang menggunakan tema ‘turning ripples

into tidal waves’ sebagai rangka kerja kebangsaan bagi semua sektor dalam ekonomi negara, bekerjasama mencapai hasrat Wawasan 2020 dan mencipta satu masyarakat madani yang kaya maklumat.

Kini 18 bulan telah berlepas dan ini merupakan satu masa yang panjang dalam bidang teknologi maklumat dan patut dilakukan kajian sepenuhnya mengenai kemajuan yang dicapai dalam NITA. Dalam mana-mana kajian yang sedemikian, soal yang paling kerap muncul adalah sama ada NITA (National IT Agenda) telah menjadi agenda semua rakyat Malaysia melibatkan dan membawa bersama rakyat Malaysia dari semua peringkat masyarakat ataupun sama ada ianya merupakan satu topik yang hanya melibatkan peringkat ‘stratospheric’ oleh mereka yang terlibat dengan IT dalam kerajaan industri atau ‘academia’.

NITA tidak pernah dibahas di Parlimen, tidak pernah dikemukakan ke Parlimen dan saya berani kata bahawa sekiranya anggota-anggota Jemaah Menteri serta para Ahli Parlimen diminta untuk menjelaskan apa ini NITA (National IT Agenda) – tidak ramai yang dapat melakukan. Saya percaya tidak ramai yang boleh mengatakan apa itu NITA (National IT Agenda) – berapa orang Ahli Parlimen yang faham, berapa orang Menteri faham? Tidak kata Ahli Parlimen, adakah semua Menteri – boleh berdiri kata apa itu National IT Agenda? Apa yang dapat diperjelaskan oleh sesetengah di sini adalah mengenai MSC bagaikan IT dan MSC adalah sama dan bahawa NITA hanya terhad kepada kerja-kerja membangun MSC sahaja. Adalah biasa dibandingkan

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tahu Yang Berhormat tahu apa itu NITA. Tak perlu untuk cakap bagi sendirilah, yang biasa. Okey.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya setuju dengan hal ini, saya setuju dengan Yang Berhormat dari Tanjong, terima kasihlah kerana dalam soal teknologi maklumat ini kita mempunyai beberapa convergent sejak sejarah Cyber Bill dibincangkan di dalam Dewan Rakyat. Cuma saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat, adakah masanya sudah sampai bahawa NITA itu dikaji, di’review’ dan juga adakah Yang Berhormat sedar mengenai kewujudan SITC (State Information Technology Council) sebagai counterpart

NITC yang juga mempunyai tugas yang besar tetapi agaknya kelihatan lembab di dalam pelaksanaannya. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau NITC, kalaulah ‘hypothetical’, kalaulah NITC satu ‘joke’, SITC satu ‘joke’ lebih besar, ada SITC berapa makna dan erti, kalau kita kata NITA, NITA sudah 18 bulan patut menjadi satu dasar di mana bukan sahaja dibahas di dalam Parlimen tetapi dibahas, dibincang, dipopularizekan oleh segala lapisan rakyat. Sekarang berapa percentage faham apa NITA? Apa guna NITC tahu atau tidak, SITC tahu atau tidak, tetapi berapa orang tahu, boleh kita sekarang semua Ahli Parlimen tulis apa itu NITA, berapa orang boleh pass? Saya percaya mungkin 1% pun tidak ada. Okay, kita test, tulis apa itu NITA, berani? 99% will failed, even in this House. Oleh kerana, yang pertama NITA tidak pernah dikemukakan dalam Parlimen untuk dibahaskan.

Tuan Chia Kwang Chye: [*Bangun*]

Tuan Lim Kit Siang: Saya tahu Yang Berhormat dari Bukit Bendera fasih IT, IT literate, saya tidak ‘include’ dia di dalam hal ini, tetapi ada 1%.

Tuan Chia Kwang Chye: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak tanya Yang Berhormat dari Tanjong dan saya juga mengucapkan terima kasih kerana menganggap saya sebagai IT literate. Tetapi saya hendak tanya sama ada anggapan bahawa ramai di antara Ahli Parlimen di Dewan yang mulia ini kurang fasih tentang NITA, adakah ini termasuk Ahli Parlimen dari DAP, khasnya mungkin Ahli dari Bagan? Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Sekurang-kurangnya Yang Berhormat dari Bukit Bendera ada mengakuilah. Dalam Barisan Nasional 1% yang boleh pass. Sekarang hendak bertanya sama ada keadaan begitu di pihak pembangkang, sekurang-kurangnya dia mengakui 99% Ahli Parlimen gagal (failed) kalau satu ujian dibuat, apa NITA? Keadaan dalam DAP saya tidak boleh cakap bagi pihak PAS, bagi DAP saya boleh kata ‘pass rate higher than Barisan’s MPs’. Ini berasaskan Yang Berhormat dari Bukit Bendera mengakui 1% sahaja boleh pass daripada Ahli-ahli Barisan Nasional mengenai apa NITA. ‘Pass rate’ DAP lebih tinggi daripada itu.

Tuan Ruhanie bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya kagum melihat Ketua Pembangkang, dia mengambil figure daripada langit, ‘plucking the figures from the sky’

dengan izin, tetapi saya rasa perkara ini tidak guna kita polimikkan, 1% ataupun 99%. Sebenarnya belum cuba, belum tahu, orang kata “akar tuba dalam perahu, belum cuba belum tahu”. Kita janganlah beranggapan bahawa Ahli-ahli Barisan Nasional ini terlalu sangat ‘NITA illiterate’. Kami tahu NITA itu apa, sekurang-kurangnya Pengerusi Backbenchers tahu. Kawan-kawan saya yang lain tahu, banyak, mereka tidaklah mahu menjadi ‘masuk bakul pikul sendiri’ jadi saya harap kita lebih positif, kita akui dalam hal ini, kita mempunyai banyak convergent, pertembungan, percantuman pendapat, percantuman pandangan, percantuman idea dan kadang kala kita punya critical views pun bercantum antara pembangkang dan Barisan Nasional kerana kita akui IT ialah perkara yang baru, masih baru kepada semua orang. Kalau IT ini telah berpijak di negara kita ini lebih kurang 10 tahun, 20 tahun, bolehlah kita suarakan kebongkakan sebagaimana yang disuarakan oleh pihak pembangkang. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Apa yang saya sebut tadi bukan oleh kerana saya mahu untuk memandang rendah sesiapa, saya kata ini adalah keadaan, inilah kenyataan dan oleh kerana Yang Berhormat dari Bukit Bendera dia interrupt sebab itulah saya ada angka 1% dia pun tidak berani contest. Apa yang kita mahu ini bukan masalah parti, satu masalah nasional, apa yang kita mahu adalah kita berdiri dan berkata sudah empat tahun, lima tahun NITC ditubuhkan kita sepatutnya berdiri dan berkata sekurang-kurangnya 99% Ahli Parlimen faham apa NITA dan bukan 99% Ahli Parlimen tidak faham apa itu NITA dan apabila ditanya tidak berani untuk kata. Itulah keadaan yang reflect, yang buruk atas Parlimen termasuk kita semua. Sebab itu kita harap bahawa ini satu perkara yang mustahak, kalau kita mahu NITA menjadi satu agenda yang mustahak Ahli Parlimen perlulah menjadi ‘role model’. Mereka mesti menguasai NITA, mesti menguasai IT, kalau tidak perbahasan tidak bererti dan kita tidak akan mencapai matlamat IT.

Tuan Chia Kwang Chye: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan kepada Bukit Bendera?

Tuan Chia Kwang Chye: Terima kasih. Saya merasa kesal kerana sebagai Ketua Pembangkang hendak memutar belitkan ucapan saya tadi, tetapi saya hendak mengambil kesempatan ini untuk meminta penjelasan dari Yang Berhormat dari Tanjong bahawa saya mempunyai satu laporan di mana Yang Berhormat dari Tanjong telah mengatakan

bahawa kurang daripada 10 orang Ahli Parlimen mempunyai e-mail. Saya ambil petikan daripada surat khabar ini, dengan izin, “One case in point is that up till now, less than 10 Members of Parliament have posted their electronic mail (e-mail) on the Net”. Saya hendak meminta penjelasan dari Yang Berhormat dari Tanjong, sama ada beliau menafikan atau mengakui bahawa pernah membuat tuduhan ini.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat dari Bukit Bendera tunjukkan di mana saya cakap begitu? Sebelum tanya saya bolehkah tunjukkan kepada saya di mana saya cakap begitu. Please pass over, dengan izin. Saya mahu tengok sama ada saya ada kata begitu. *[Disampuk]*

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyatakan bahawa memang banyak kegelisahan ataupun keresahan di atas perkembangan yang agak perlahan di dalam melaksanakan Agenda Teknologi Maklumat Kebangsaan. Bagaimanapun, saya ingin mendapatkan penjelasan dari pihak Ketua Pembangkang, adakah Ketua Pembangkang sedar bahawa dengan izin, the IT Agenda is a journey and a destination, it is a moving target and unevolving learning cultures of IT literalisation for quality of work and life improvement for all Malaysian’. Bermakna maksudnya ada elemen-elemen evolution, ada elemen-elemen perkembangan, perkara ini menangani perkara yang tidak statik ‘as you said’ dengan izin, tadi bermakna kita takut perkara menjadi basi (obsolete). Tetapi IT Agenda telah pun mendasarkan bahawa perkara ini dilakukan mengikut evolusi teknologi. Jadi janganlah, tadi baru ucap syabas, ucap tahniah, datang untuk melanyak, saudara Ketua Pembangkang ini mempunyai kredibiliti yang agak elok sedikit dalam IT ini. Jadi lets continue that reputation. Beri sumbangan, banyak sumbangan saudara yang mungkin telah pun diambil oleh kerajaan, di dalam hal ini janganlah melulu, membabi buta sangat.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Saya telah jelaskan ini bukan satu perkara ‘on party lines’ inilah atas kepentingan negara, atas kedudukan Parlimen dan apa yang Yang Berhormat Pengerusi BBC jelaskan itu, benar. NITA bukanlah satu destination, satu journey, satu revolving process, tetapi adakah 99% Ahli Parlimen faham itu? Tadi apabila saya tanya, sebab Yang Berhormat Pengerusi BBC tahu, tetapi ini bukan satu pengetahuan umum untuk semua Ahli-ahli Parlimen dan kalau Ahli-ahli Parlimen selepas

18 bulan belum tahu apa itu NITA, bagaimana rakyat boleh tahu, bagaimana NITA boleh menjadi satu nasional agenda.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, berbangkit daripada penjelasan itu adakah saudara Ketua Pembangkang mahu mencadangkan supaya NITA ataupun Agenda Teknologi Maklumat Kebangsaan ini diperkenalkan secara agresif dan menyeluruh kepada rakyat jelata?.

Tuan Lim Kit Siang: Memang tidak perlu menggunakan perkataan agresif, ‘vigorous’ cukup, kenapa mahu agresif? Tetapi kalau NITA pun tidak pernah dikemukakan, diutarakan dalam Parlimen untuk satu perbahasan yang mendalam inilah satu kelemahan yang besar dan sebab itu saya katakan sungguh pun sudah 18 bulan tetapi kita telah hilang banyak masa oleh kerana satu ‘human year’, ialah lima Internet year

Tuan Chia Kwang Chye: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bukit Bendera cukuplah, biarlah dia berucap.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat dari Bukit Bendera mahu bertanya, perkara ini, saya baru baca. Ini mengenai satu laporan mengenai apa yang saya cakap di INFOTECH 1998, “The third panelist, Secretary General of the Democratic Action Party Lim Kit Siang hit out at the inability of the so-called national leaders to keep pace with IT development. Ya, benar, I stand by it. I just say it, baru saya cakap tadi. “He claimed that many only pay lip service to the IT literacy campaign and are themselves woefully lacking in IT knowledge and skills. Ya, betul. itu benar “One case in point is that up till now, he claims, less than 10 Members of Parliament (MPs) have posted their electronic mail (E-mail) address on the Net” Tidak benar. Incorrect. Look for the reporter. Nanti dalam ucapan saya Yang Berhormat dari Bukit Bendera akan tahu kenapa, okay. Sabar, boleh sabar?

Tuan Chia Kwang Chye: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan Yang Berhormat, Bukit Bendera cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: Satu tahun, satu human year Tuan Yang di-Pertua, ada disamakan dengan 5 Internet year. Ini bererti dalam 18 bulan ini NITA

diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sudah hilang 7 internet year. Oleh kerana tidak ada satu follow-up yang serius supaya dikemukakan kepada semua sektor di Malaysia. Saya percaya Tuan Yang di-Pertua bahawa kelemahan besar dalam perkembangan IT nasional di negara kita ialah kita tidak ada satu strategi dan satu dasar IT nasional yang coherence dan integrated di mana kita boleh mewujudkan Press walk out. Itu betul. Press walk out. *[Semua wartawan akhbar meninggalkan Dewan]*

Ramai Ahli: *[Tepuk] [Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang: Patut saya walk out bukan press walk out. *[Ketawa]*
Okey sebenarnya dan di mana

Tuan Chia Kwang Chye: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bukit Bendera, apa lagi Yang Berhormat. Cukuplah.

Tuan Chia Kwang Chye: Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti saya akan sebut mengenai perkara itu. Tidak payah ulangi atau repeat bahawa tidak ada satu polisi/strategi, national IT yang coherence dan integrated di mana kita ada satu national consensus mengenai betapa pentingnya dalam negara kita boleh mengadakan transisi ini kepada satu masyarakat ilmu dan maklumat. Bahawa IT bukan sahaja mengenai teknologi atau mengenai consideration commercial tetapi mengenai bagaimana boleh membaiki mutu kehidupan semua rakyat Malaysia.

Internet sebagai contohnya satu alat yang sangat berkuasa tetapi bukanlah satu penyelesaian. Computing bukan mengenai komputer lagi tetapi mengenai cara hidup dengan izin, in the final and in the ultimate analysis. Revolusi IT ialah mengenai manusia. Bagaimana ia boleh mengubah cara manusia kerja, hidup,

belajar, main, bukan mengenai kuasa microprocessor atau bandwidth. Itulah sebab mengapa satu dasar IT nasional, satu dasar, satu strategi, satu rancangan national IT patutlah people centred dan bukan project centred atau MSC centred.

Sungguhpun kerajaan menyokong, memulakan IT, usaha-usaha IT di Mei 1993 apabila NITC ditubuhkan sebagai satu think-tank dan penasihat kepada kerajaan dalam koordinasi, pimpinan, merancang dan mengurus IT sebagai satu strategic tools untuk pembangunan sosial ekonomi. Tetapi adakah rakyat, adakah institusi-institusi negara kita, adakah syarikat-syarikat kita siap sedia untuk menghadapi, menggunakan teknologi maklumat. Dalam lebih daripada 2 tahun dalam Parlimen saya kerap kali ada menyeru, mencadangkan bahawa kerajaan patutlah menjadi dengan izin, model user teknologi maklumat untuk memberi perkhidmatan yang lebih cekap, lebih cost effective dan lebih responsif kepada orang ramai.

Dalam Januari tahun ini apabila saya mahu menghantar satu surat terbuka kepada anggota Jemaah Menteri sebelum Mesyuarat Kabinet yang pertama dalam tahun 1998 mengenai 15 bidang di mana langkah-langkah perlu diambil untuk mengatasi krisis ekonomi yang kita hadapi, dan apabila saya cadang bahawa pejabat saya hantar melalui E-mail hantar surat terbuka itu kepada semua Jemaah Menteri saya dapati bahawa barulah selepas banyak survey bahawa alamat E-mail 6 orang anggota Jemaah Menteri baru boleh didapati. Dan saya - benar tadi Yang Berhormat dari Bukit Bendera ada menyebut saya telah mengkritik , menegur pemimpin-pemimpin termasuk menteri-menteri bahawa tidak dengan izin, keep a breath with IT tides.

Dan dalam April tahun ini sebelum membuat persiapan untuk INFOTECH Malaysia 1998 Conference, dalam satu search oleh internet saya masa itu baru boleh dapat 10 orang Cabinet Minister yang ada E-mail. Bukan 10 orang Ahli

Parlimen. Sungguhpun dalam Internet setiap Menteri ada gambar yang besar, lebih besar mungkin daripada lori yang kita tengok.

Tuan Chia Kwang Chye: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya Bukit Bendera bangun. Hendak beri jalan ataupun tidak. Masa sudah cukup Yang Berhormat. Besok sambung Yang Berhormat.

Tuan Chia Kwang Chye: *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang: Masa sudah cukup. All right, terima kasih.

USUL

WAKTU MENSYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

Pornografi Politik Sebagai Agenda Untuk Memesongkan Isu Kronisme, Korupsi, Kolusi dan Nepotisme.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, judul Pornografi Politik Sebagai Agenda Untuk Memesongkan Isu Kronisme, Korupsi, Kolusi dan Nepotisme.

Tuan Yang di-Pertua, diakui atau tidak kemunculan sejak beberapa dekad lalu era kebangkitan Islam yang difitnah sebagai fundamentalis melampau ataupun terrorist termasuk juga wujudnya era Islamisasi yang menampilkan program prosedur Islamic. Semuanya dipandang serong dan dicemburui oleh musuh-musuh Islam.

Tokoh antagonis utama senario ini diwakili oleh watak neo-Machiavellisme.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua saya tengok tak cukup kuorum.

Tuan Yang di-Pertua: Sila bilang!

[Ahli-ahli dikira: Kurang 12 Ahli hadir]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa dewan ini ditangguhkan sekarang.

Dewan ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.33 ptg.

